



APPGM-SDG
MENINGKATKAN KETERANGKUMAN DAN KEMAMPAHAN



PERSATUAN PROMOSI
MATLAMAT PEMBANGUNAN LESTARI
PPM-023-14-07012020

Laporan Pemetaan Isu Kawasan Parlimen 2025

Zon Pantai Timur

P021 KOTA BHARU

Laporan Disediakan Oleh: Dr Siti Nur Ain Zakinuddin & Syza
Bazilah Muhamad Ropi



Laporan Pemetaan Isu Parlimen

P.021 Kota Bharu

Disediakan oleh:

Dr. Siti Nur Ain Zakinuddin

Syza Bazilah Muhamad Ropi

KATA ALUAN	II
KATA PENGANTAR	IV
PENGENALAN	VI

BAHAGIAN A

LAPORAN LAWATAN PEMETAAN ISU	3 – 12
------------------------------	--------

BAHAGIAN B

1.0	PENGENALAN	16 – 19
1.1	Geografi/Topografi	16
1.2	Komposisi Penduduk	17
1.3	Kegiatan Ekonomi Utama	17
1.4	Hubungan Kerangka Konseptual SDG dan Konteks Tempatan	18
2.0	METODOLOGI PENYELIDIKAN	19 – 22
2.1	Pendekatan Kajian	19
2.2	Langkah Etika Semasa Kajian Lapangan	21
2.3	Kekangan Lawatan Kajian Lapangan	21
2.4	Keterbatasan Kajian	21
3.0	RANGKUMAN ISU RENTAS SDG	23 – 47
4.0	GAMBARAN KESELURUHAN PEMETAAN ISU	48 - 83
4.1	Perincian Hasil Dapatkan Isu-isu	48
4.2	Pengutamaan Isu	77
5.0	PENGENALPASTIAN AWAL PROJEK PENYELESAIAN	83 – 84
6.0	RUJUKAN	85



P.021 KOTA BHARU

KATA ALUAN

YB DATO' HAJAH SITI ZAILAH MOHD YUSOFF
Wakil Ahli Jawatankuasa APPGM-SDG



Bismillahir-Rahmanir-Rahim.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera,

Segala puji dan syukur ke hadrat Allah SWT atas limpah kurnia dan izin-Nya yang kesempatan untuk penerbitan Kompilasi Laporan Pemetaan Isu Kawasan Parlimen 2025 bagi Jilid Zon Timur ini direalisasikan. Penerbitan ini melambangkan komitmen berterusan pelbagai pihak dalam memperkukuh agenda pembangunan mampan di Malaysia. Sebagai Ahli Jawatankuasa APPGM-SDG, saya amat menghargai peluang ini untuk menyatakan sokongan terhadap usaha yang memberi ruang kepada suara masyarakat akar umbi dalam perancangan pembangunan negara. Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) berfungsi sebagai panduan penting dalam memastikan pembangunan negara bergerak secara terangkum, dengan menitikberatkan pertumbuhan ekonomi dan pembentukan pekerjaan, kesejahteraan sosial, pemeliharaan alam sekitar dan tadbir urus yang baik. Sejak tahun 2019, inisiatif berterusan ini telah membuktikan bahawa penyertaan komuniti dalam mengenal pasti keperluan serta cabaran mereka mampu memperkukuh dasar dan tindakan yang lebih adil serta cekap dan berkesan.

Zon pantai timur memiliki keperibadian tersendiri melalui kepelbagaian bentuk geografi dan sosialnya yang merangkumi kawasan pesisir, luar bandar serta bandar. Setiap kawasan memperlihatkan cabaran yang khusus namun juga berpotensi besar untuk dimajukan. Pendekatan yang merangkum dan bersepadu diperlukan bagi memastikan

pembangunan yang dirancang benar-benar membawa manfaat kepada masyarakat setempat dan menyumbang kepada kemajuan negara secara keseluruhan.

Proses pemetaan isu pada tahun 2025 ini mengekalkan pendekatan kajian lapangan melalui sesi libat urus bersama Ahli-ahli parlimen, komuniti dan pemimpin tempatan, agensi dan jabatan kerajaan, pihak swasta dan badan bukan kerajaan (NGO). Laporan yang dihasilkan merupakan suatu usaha yang baik untuk menonjolkan cerita rakyat dan realiti sosial yang dihadapi oleh pelbagai komuniti setempat. Saya yakin laporan ini akan menjadi rujukan yang bermanfaat kepada semua pihak, khususnya pembuat dasar dan agensi pelaksana di semua peringkat pentadbiran, dalam memastikan tiada komuniti yang tercicir. Pencapaian SDG memerlukan iltizam dan tindakan yang berterusan daripada semua pihak untuk menjamin kesejahteraan masyarakat yang berkekalan.

Akhir kata, saya ingin menzahirkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Sekretariat APPGM-SDG, Ahli-ahli Parlimen yang terlibat, komuniti akar umbi serta agensi kerajaan persekutuan, negeri serta daerah dan pihak berkuasa tempatan yang telah memberi komitmen dan sokongan padu. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam menjayakan penerbitan Kompilasi Laporan Pemetaan Isu Kawasan Parlimen 2025 Zon Pantai Timur ini.

Mudahan usaha yang dirintis ini menjadi asas yang kukuh dalam memperkasa agenda pembangunan mampan di Malaysia, bagi kawasan pantai timur khususnya, dan demi kemajuan mampan masyarakat dan negara secara umumnya. Semoga Allah S.W.T memberkati keyakinan dan landasan kita untuk membangunkan negara Malaysia yang seimbang.

Sekian, terima kasih.

YB Dato' Hajah Siti Zailah Mohd Yusoff

Ahli Jawatankuasa APPGM-SDG

KATA PENGANTAR

JAMES RYAN RAJ

Wakil Sekretariat APPGM-SDG



Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia mengenai Matlamat Pembangunan Lestari (APPGM-SDG) aktif sejak 2020 menggerakkan penyetempatan SDG di kawasan-kawasan Parlimen seluruh negara. Berteraskan pemetaan isu, APPGM-SDG melaksanakan perbincangan kumpulan fokus (FGD) bersama kumpulan sasaran tempatan untuk mengenal pasti cabaran setempat dan mencadangkan penyelesaian melalui projek komuniti berasaskan SDG serta intervensi dasar yang bersesuaian. Dari 2020 hingga 2024, APPGM-SDG telah melaksanakan kerja lapangan di 115 kawasan Parlimen. Pada 2025, inisiatif ini diperluas ke 28 kawasan Parlimen baharu, membolehkan pasukan mendalami isu akar umbi dan menetapkan keutamaan tempatan. Lawatan tapak menyediakan gambaran menyeluruh mengenai realiti lapangan dan membantu mengenal pasti penyelesaian yang diperlukan.

Hasil gerak kerja tersebut, sebanyak 28 laporan pemetaan isu disediakan pada tahun 2025 dan dihipunkan dalam jilid “Kompilasi Laporan Pemetaan Isu Kawasan Parlimen”. Kompilasi ini disusun mengikut zon/wilayah - Tengah, Utara, Selatan, Pantai Timur, Sabah dan Sarawak seperti diringkaskan dalam Jadual 1. Turut disertakan laporan bergambar yang merekodkan butiran lawatan tapak dan isu yang dikenal pasti. Di samping itu, laporan individu bagi setiap kawasan Parlimen turut disediakan untuk memudahkan rujukan Ahli Parlimen dan pihak berkepentingan.

Jadual 1. Pecahan kawasan Parlimen mengikut jilid

JILID	ZON/WILAYAH	JUMLAH KAWASAN PARLIMEN	PENYELIDIK
Jilid 1	Zon Utara	9	3
Jilid 2	Zon Pantai Timur	4	5
Jilid 3	Zon Tengah	3	4
Jilid 4	Zon Selatan	6	2
Jilid 5	Wilayah Sabah	4	2
Jilid 6	Wilayah Sarawak	2	1
JUMLAH KESELURUHAN		28	

Laporan ini menggunakan pendekatan kualitatif yang menangkap suara akar umbi termasuklah emosi, keperluan dan keutamaan komuniti setempat. Walaupun transkrip penuh FGD belum disertakan, analisis situasi yang dibentangkan sudah memadai untuk menggambarkan realiti kehidupan komuniti di lapangan. Laporan lengkap, termasuk transkrip penuh, akan diterbitkan untuk rujukan Ahli Parlimen terlibat dan boleh diakses oleh orang awam atas permintaan bagi tujuan kajian lanjut.

Laporan-laporan ini akan menjadi asas perbincangan seterusnya di peringkat Parlimen serta bersama agensi dan kementerian berkaitan. Matlamat utama ialah merangka penyelesaian yang lebih komprehensif dan mendorong penambahbaikan dasar yang relevan bagi menangani isu-isu yang dikenal pasti.

PENGHARGAAN

Saya ingin merakamkan penghargaan kepada ahli jawatankuasa APPGM-SDG, Ketua Sekretariat APPGM-SDG, dan pengarah-pengarah APPGM-SDG, semua Ahli Parlimen, agensi kerajaan, terutama pejabat daerah, dan pihak-pihak yang mempermudah dialog serta penyertaan dalam inisiatif APPGM-SDG pada tahun 2025. Ucapan tahniah khas ditujukan kepada Puan Nurul Syaza Mazelan dan Hirzawati Atikah Mohd Tahir selaku penyunting utama siri enam jilid ini atas dedikasi menyunting laporan-laporan yang disediakan oleh pasukan penyelidik APPGM-SDG. Terima kasih juga kepada para penyelidik iaitu Dr. Teo Lee Ken, Nurul Syaza Mazelan, Dr. Wan Suzita Wan Ibrahim, Dr. Siti Nur Ain Zakinuddin, Dr. Thanaraj Murudi, Dr. Eva Kristin Larry Sait, Siti Noraiysah Rohim, Raine Melissa Riman, Nur Syadhira Mohd Razali, Nuha Mysara Mohd Hisam, Lydia Ann Anak Bill, Fatimah Binti Mohd Yasin, Tariq Ziad bin Abdul Razak dan Mc Jeanet Lempisik @ Marx serta pasukan Komunikasi Korporat APPGM-SDG, yang diketuai Zoel Ng, dan khususnya Hirzawati Atikah Mohd Tahir, Kezia Sim Kui Ting dan Arif Azhad Abdul Ghaffar serta Afiqah Abdul Malik dari Pejabat Ketua Sekretariat atas usaha kreatif dalam memastikan penerbitan bahan ini berjaya. Semoga usaha ini terus memperkukuh langkah kita dalam mencapai pembangunan lestari untuk seluruh rakyat Malaysia.

Pengenalan


DR. SITI NUR AIN ZAKINUDDIN

Ketua Zon Pantai Timur, APPGM-SDG



Pada tahun 2025, APPGM-SDG memperkukuh gerak kerja pemetaan SDG dengan pendekatan yang berkesan, inklusif dan seragam merentas lokasi. Penegasan inti pada tahun ini adalah penambahbaikan proses pemetaan isu sebagai asas penyetempatan SDG, di samping penyeragaman kaedah catatan kajian dan pelaporan. Proses pemetaan isu kekal sebagai fasa awal yang kritikal dalam penyetempatan SDG oleh APPGM-SDG. Sebagai permulaan kepada kitaran intervensi, pemetaan perlu berfungsi sebagai penanda aras yang kukuh dengan proses libat urus yang cekap, telus dan inklusif bersama pihak berkepentingan. Justeru, APPGM-SDG memberi tumpuan kepada penglibatan menyeluruh dan mengarusperdanakan pandangan komuniti, agensi dan pemimpin tempatan agar perspektif yang pelbagai diambil kira secara serius. Kajian lapangan laporan pemetaan isu berperanan sebagai wahana utama untuk memaparkan analisis dapatan, keutamaan tindakan serta tahap penglibatan pihak berkepentingan di setiap kawasan dan tahap.

Bagi tahun 2025, APPGM-SDG telah melaksanakan gerak kerja pemetaan isu yang melibatkan 28 kawasan parlimen (Rajah 1) yang merangkumi beberapa kawasan di setiap zon dan wilayah, menjangkau Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Di setiap kawasan, kerjasama turut diperkukuh dengan agensi peringkat kerajaan tempatan termasuklah Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) serta pihak berkuasa tempatan atau entiti setara yang berperanan sebagai penyelaras lapangan, pemudah cara mobilisasi komuniti dan rujukan data setempat (Jadual 1).



Rajah 1. 28 Kawasan Parlimen bagi Tahun 2025

Semasa di lapangan, pasukan penyelidik mengamalkan langkah etika yang ketat seperti persetujuan rakaman/visual, kerahsiaan. Namun beberapa cabaran mengiringi gerak kerja 2025. Antaranya adalah seperti kesukaran mendapatkan penyertaan seimbang merentas kelompok sasaran; kualiti audio tidak konsisten yang menuntut integrasi analitikal dengan nota lapangan; pertindihan perbualan semasa FGD yang memerlukan penyaringan teliti; serta kekangan logistik seperti jadual, tempat, fasiliti yang mempengaruhi jumlah sesi dan kejutuan bukti. Walaubagaimanapun, cabaran-cabaran ini diimbangi dengan penetapan jadual semula, bantuan penghulu dan pihak pejabat daerah dan tanah untuk mobilisasi, pemetaan pihak berkepentingan yang lebih awal, serta kaedah catatan kajian berganda untuk mengekalkan integriti data.

Daripada segi kandungan, laporan ini dibentuk untuk memudahkan pembaca memahami setiap zon dan wilayah secara bertahap dan semakin mendalam. Bahagian 1 menghuraikan latar kawasan meliputi geografi, topografi, komposisi penduduk, aktiviti ekonomi, dan kaitannya dengan sasaran SDG relevan. Bahagian 2 menerangkan metodologi, langkah etika, kekangan lawatan dan keterbatasan kajian. Bahagian 3 merumuskan isu-isu rentas SDG, berpandukan tema-tema seperti pendidikan, kemahiran, pekerjaan, budaya/warisan, keselamatan jalan, pertanian, pengairan, konflik manusia-haiwan, akses bantuan kebajikan, dan infrastruktur asas. Bahagian 4 pula menghimpunkan gambaran keseluruhan pemetaan mengikut isu utama, penerangan isu, tindakan serta maklum balas daripada agensi-agensi berkaitan.

Bahagian 5 menyenaraikan pengenalan awal projek penyelesaian jangka masa pendek sebagai langkah intervensi komuniti yang memberi impak tinggi, segera dan langsung, beserta cadangan rakan pelaksana dan penjajaran SDG. Dengan susun atur sebegini, laporan pemetaan isu kawasan parlimen 2025 ini berfungsi sebagai dokumen rujukan tindakan bagi peralihan daripada pembawaan suara komuniti akar umbi kepada perancangan pelan tindakan dan seterusnya kepada program pelaksanaan yang realistik dan terukur.

PEMETAAN ISU DI ZON PANTAI TIMUR

Kajian pemetaan isu yang dijalankan di Parlimen Maran, Besut, Kota Bharu, dan Pasir Puteh mendedahkan landskap sosio-ekonomi yang seragam namun berdepan cabaran yang sama. Secara umum, ciri demografi yang paling ketara bagi parlimen Maran, Besut, Pasir Puteh, dan Kota Bharu ialah populasi yang didominasi oleh etnik Melayu dengan peratusan yang sangat tinggi. Selain itu, kawasan-kawasan ini juga mempunyai peratusan Bumiputera yang tinggi dan majoriti penduduk beragama Islam. Keempat-empat Parlimen ini dicirikan oleh ekonomi yang bergantung kepada sektor primer seperti pertanian, perikanan, dan perniagaan mikro. Kawasan ini merangkumi geografi yang pelbagai, daripada pesisir pantai dan dataran rendah sawah padi hingga ke penempatan Orang Asli dan FELDA di pedalaman. Walaupun terdapat pusat bandar kecil seperti Kota Bharu dan Jerreh, kebanyakan penduduk terlibat dalam ekonomi tidak formal yang mudah terkesan dengan perubahan pasaran dan iklim. Isu-isu yang ditemui Adalah saling berkaitan merentasi komuniti, seperti akses terhadap kemudahan asas, cabaran ekonomi, dan risiko alam sekitar, yang memerlukan pendekatan penyelesaian yang bersepadu.

Tiga isu utama yang dikenal pasti merentas semua parlimen ini adalah peningkatan kos sara hidup dan input ekonomi, kekurangan peluang pekerjaan serta migrasi belia, dan degradasi alam sekitar termasuk bencana berulang. Peningkatan kos input seperti baja, racun, makanan haiwan, dan barangan asas memberi tekanan kepada petani, penternak, nelayan, dan peniaga kecil. Di Besut dan Pasir Puteh, penternak ikan yang mengusahakan ikan sangkar seperti tilapia dan patin menanggung kos makanan yang tinggi, manakala petani di Kota Bharu berdepan kenaikan harga input pertanian yang mendadak termasuklah harga baja dan racun. Selain itu, kekurangan peluang pekerjaan yang setara dengan kelayakan menyebabkan belia berhijrah ke bandar besar, diperburuk oleh persaingan dengan pekerja asing dan pekerjaan bergaji rendah. Degradasi alam sekitar pula berpunca daripada aktiviti seperti pengorekan pasir, pembalakan, dan pembinaan East Coast Rail Link (ECRL) yang menyebabkan banjir. Hakisan pantai juga menjadi ancaman serius kepada komuniti pesisir Pantai terutamanya nelayan di Besut dan Pasir Puteh.

Penemuan ini adalah penting untuk merangka strategi intervensi yang didasarkan. Isu-isu ini saling berkaitan, membentuk kitaran kerentanan yang kompleks di mana kenaikan kos sara hidup mengikis pendapatan yang terhad. Kekurangan pekerjaan memaksa belia berpindah, menjejaskan pembangunan tempatan. Bencana alam dan degradasi alam sekitar pula mengancam mata pencarian utama seperti pertanian dan perikanan. Oleh itu, penyelesaian jangka pendek dan sederhana harus menumpukan kepada program pemerkasaan ekonomi yang inovatif, latihan kemahiran yang relevan dengan pasaran tempatan, serta pengurusan risiko bencana dan alam sekitar yang lebih berkesan. Kerjasama pelbagai peringkat antara agensi kerajaan, sektor swasta, dan komuniti setempat adalah kunci untuk memastikan intervensi ini bersifat holistik dan dapat membina daya tahan masyarakat Pantai Timur dalam menghadapi cabaran masa depan.

Jadual 1. Senarai 28 Kawasan Parlimen Terlibat dengan Gerak Kerja APPGM-SDG bagi Tahun 2025

BIL.	ZON/ WILAYAH	PARLIMEN	KOD	AHLI PARLIMEN	PARTI	AGENSI-AGENSI BERKAITAN	KETUA PENYELIDIK APPGM-SDG
1	Tengah	Sabak Bernam	P092	YB Tuan Kalam bin Salan	PN-BERSATU	Pejabat Daerah & Tanah (PDT) Sabak Bernam	Nur Syadhira Mohd Razali
2	Tengah	Hulu Selangor	P094	YB Tuan Haji Mohd Hasnizan bin Harun	PN-PAS	PDT Hulu Selangor	Nuha Mysara Mohd Hisam
3	Tengah	Seputeh	P121	YB Puan Teresa Kok Suh Sim	PH-DAP	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL)	Nurul Syaza Mazelan
4	Utara	Padang Terap	P007	YB Tuan Nurul Amin bin Hamid	PN-PAS	PDT Padang Terap	Nurul Syaza Mazelan
5	Utara	Kuala Kedah	P010	YB Dr. Ahmad Fakhruddin	PN-PAS	PDT Kota Setar	Dr Thanaraj Murudi
6	Utara	Balik Pulau	P053	YB Dato' Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik	PH-PKR	PDT Barat Daya	Siti Noraiysah Rohim
7	Utara	Larut	P059	YB Dato' Seri Hamzah bin Zainudin	PN-BERSATU	PDT Selama	Dr Thanaraj Murudi
8	Utara	Kulim-Bandar Baharu	P018	YB Tuan Roslan bin Hashim	PN-BERSATU	PDT Kulim & PDT Bandar Baharu	Dr Thanaraj Murudi
9	Utara	Padang Rengas	P060	YB Kapten Azahari bin Hasan	PN-BERSATU	PDT Kuala Kangsar	Dr Teo Lee Ken
10	Utara	Gopeng	P064	YB Tuan Tan Kar Hing	PH-PKR	PDT Kampar	Lydia Ann Anak Bill

BIL.	ZON/ WILAYAH	PARLIMEN	KOD	AHLI PARLIMEN	PARTI	AGENSI-AGENSI BERKAITAN	KETUA PENYELIDIK APPGM-SDG
11	Utara	Lumut	P073	YB Komander (B) Nordin Bin Ahmad Ismail	PN-BERSATU	PDT Manjung	Dr Thanaraj Murudi
12	Utara	Teluk Intan	P076	YB Tuan Nga Kor Ming	PH-DAP	PDT Hilir Perak	Nurul Syaza Mazelan
13	Selatan	Jempol	P126	Dato' Haji Shamsul Kahar Bin Haji Mohd Deli	BN-UMNO	PDT Jempol	Tariq Ziad bin Abdul Razak
14	Selatan	Jasin	P139	YB Tuan Zulkifli bin Ismail	PN-PAS	PDT Jasin	Dr Wan Suzita Wan Ibrahim
15	Selatan	Segamat	P140	YB Tuan Yuneswaran a/l Ramaraj	PH-PKR	PDT Segamat	Dr Wan Suzita Wan Ibrahim
16	Selatan	Sri Gading	P149	YB Tuan Haji Aminolhuda bin Hassan	PH-AMANA	PDT Batu Pahat	Dr Teo Lee Ken
17	Selatan	Batu Pahat	P150	YB Tuan Haji Onn bin Abu Bakar	PH-PKR	PDT Batu Pahat	Dr Wan Suzita Wan Ibrahim
18	Selatan	Pulai	P161	YB Tuan Suhaizan bin Kaiat	PH-AMANA	Pejabat Daerah Johor Bahru	Siti Noraiysah Rohim
19	Timur	Maran	P086	YB Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Abd. Muttalib	PN-PAS	PDT Maran	Siti Noraiysah Rohim
20	Timur	Kota Bharu	P021	YB Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan	PN-PAS	Pejabat Tanah & Jajahan (PTJ) Kota Bharu	Dr Siti Nur Ain Zakinuddin
21	Timur	Pasir Puteh	P028	YB Datuk Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Salleh	PN-PAS	PTJ Pasir Puteh	Dr Siti Nur Ain Zakinuddin

BIL.	ZON/ WILAYAH	PARLIMEN	KOD	AHLI PARLIMEN	PARTI	AGENSI-AGENSI BERKAITAN	KETUA PENYELIDIK APPGM-SDG
22	Timur	Besut	P033	YB Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh	PN-PAS	PDT Besut	Siti Noraiysah Rohim
23	Sabah	Tuaran	P170	YB Datuk Seri Panglima Madius bin Tangau	PH-UPKO	Pejabat Daerah Tuaran	Mc Jeanet Lempisik @ Marx
24	Sabah	Putatan	P173	YB Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya	BN-UMNO	Pejabat Daerah Putatan	Mc Jeanet Lempisik @ Marx
25	Sabah	Semporna	P189	YB Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Apdal	WARISAN	Pejabat Daerah Semporna	Puan Fatimah Binti Mohd Yasin
26	Sabah	Labuan	P166	Dato' Indera Dr. Suhaili Abdul Rahman	BEBAS	Perbadanan Labuan (Labuan Corporation)	Puan Fatimah Binti Mohd Yasin
27	Sarawak	Stampin	P196	YB Tuan Chong Chieng Jen	PH-DAP	Majlis Perbandaran Padawan (MPP) & Majlis Perbandaran Kuching Selatan (MBKS)	Raine Melissa Riman
28	Sarawak	Lubok Antu	P203	YB Tuan Roy Angau anak Gingkoi	GPS-PRS	Pejabat Daerah Lubok Antu	Raine Melissa Riman

SEKALUNG PERGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam penghasilan Kompilasi Laporan Pemetaan Isu Kawasan Parlimen 2025. Terima kasih kepada ketua penyelidik setiap kawasan Parlimen, pasukan penyunting, dan pegawai-pegawai Jabatan Penyelarasan Kawasan Parlimen yang telah bertungkus-lumus memastikan laporan ini terhasil dengan jayanya. Penghargaan khusus juga kepada Ahli-ahli Jawatankuasa APPGM-SDG, Ketua Sekretariat dan, pengarah-pengarah APPGM-SDG, jaringan pakar rujuk, serta semua Ahli Parlimen dan agensi kerajaan yang memberikan kerjasama dan input sepanjang gerak kerja pemetaan isu ini.

Berdasarkan usaha kolektif ini, APPGM-SDG komited untuk meneruskan perjalanan penyetempatan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) dengan langkah strategik. Antara langkah lanjut lanjutan daripada pemetaan isu ini adalah bengkel pembangunan kapasiti bersama agensi kerajaan dan pihak berkepentingan yang diadakan dilaksanakan untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran terkini berhubung pelaksanaan SDG di peringkat akar umbi. Hasil bengkel ini juga dikongsikan melalui penerbitan buku Bengkel Pembangunan Kapasiti: Merangka Langkah ke Arah Masa Depan Mampan 2025. Selain itu, antara tiga atau empat projek mikro SDG akan dilaksanakan di setiap kawasan Parlimen dengan peruntukan RM120,000, berdasarkan keperluan setempat yang dikenal pasti melalui kajian pemetaan isu.

APPGM-SDG juga akan memperkukuhkan penglibatan dengan kerajaan negeri dan persekutuan untuk merangka dasar dan polisi program yang inklusif melalui pendekatan usahasama pelbagai pihak berkepentingan. Penubuhan Jawatankuasa SDG Intervensi Dasar bersama pejabat-pejabat daerah terpilih akan terus memacu penyelesaian jangka panjang yang memberi impak bertransformasi dan mampan. Kami menyeru kerjasama berterusan dalam memastikan pelaksanaan yang efektif berkesan dan terukur.

Dengan pendekatan yang sistematik dan berasaskan data, laporan ini bukan sahaja sebagai rujukan, tetapi juga panduan praktikal untuk pembangunan komuniti yang mampanterhadapan. Bersama-sama, marilah kita memastikan tiada sesiapa ketinggalan dalam usaha membina masa depan yang lebih inklusif sejahtera, makmur dan lestari mampan untuk semua rakyat Malaysia.

BAHAGIAN A

Laporan Lawatan Pemetaan Isu
P.021 Kota Bharu

DENGAN SOKONGAN DARIPADA

AHLI PARLIMEN KOTA BHARU, YB DATUK SERI TAKIYUDDIN BIN HASSAN



TEMPAT-TEMPAT YANG TELAH DILAWATI

05 Feb – 07 Feb 2025
(Rabu – Jumaat)

HARI 1

1. FGD 1: Komuniti Ibu Tunggal
2. FGD 2: Komuniti Petani
3. Lawatan Tapak 1: Kawasan Lembah Sireh
4. FGD 3: Komuniti Miskin Bandar
5. Lawatan Tapak 2: Kawasan Setinggan Hotel Ibis

HARI 3

11. FGD 6: Komuniti Peniaga
12. FGD 7: Komuniti Orang Cina
13. FGD 8: Komuniti Orang India

HARI 2

6. FGD 4: Komuniti Belia
7. FGD 5: Komuniti NGO
8. Lawatan Tapak 3: Kawasan Pasar Berek 12
9. Lawatan Tapak 4: Tebing Alor C Tanjung Mas
10. Lawatan Tapak 5: Persatuan Penduduk Mukim Tanjung Mas

PASUKAN PENYELIDIK



**DR. SITI NUR AIN
ZAKINUDDIN**
(Ketua Penyelidik)



**NUR SYADHIRA BINTI
MOHD RAZALI**



SYZA BAZILAH ROPI



**NUR SYAFIQAH CHE
MOHAMAD ZULKIFLI**



ROZLAN B. DAUD

LAWATAN PEMETAAN KAWASAN TELAH DIJALANKAN PADA 05-07 FEB 2025 (RABU – JUMAAT)





23 DISEMBER 2024 - MESYUARAT AWALAN

Mesyuarat Awalan bagi Parlimen Kota Bharu bersama Ahli Parlimen, YB Datuk Seri Takiyuddin Hassan di Pusat Komuniti MySDG Kota Bharu. Sesi ini dihadiri oleh Rahmah Othman (Executive Director), Dr. Siti Nur Ain (Ketua Zon Pantai Timur) dan Siti Noraiysah. Turut hadir YB DUN Bunut Payong dan pegawai-pegawai yang lain. Bagi Parlimen Kota Bharu, YB Datuk Seri Takiyuddin Hassan bersetuju untuk tarikh lawatan tapak adalah pada 18- 20 Januari 2025.



20 JANUARI 2025 - MESYUARAT PEMPROFILAN

Dr. Siti Nur Ain telah mengadakan sesi pemprofilan bagi pemetaan isu Parlimen Kota Bharu bersama En. Suhaimi dan En. Faris, yang mewakili Pegawai Parlimen Kota Bharu. Sesi ini telah mengenal pasti beberapa kumpulan sasaran yang perlu diberi fokus.

Dalam sesi ini, tarikh baru bagi sesi pemetaan isu telah ditetapkan iaitu pada 1-3 Februari atas makluman Ahli Parlimen namun terpaksa ditunda saat akhir ke 5-7 Februari. Sesi ini telah diadakan di Ruang Komuniti MySDG Zon Pantai Timur di Kota Bharu, Kelantan.

23 JANUARI 2025 - MESYUARAT PRALAWATAN

Dr. Siti Nur Ain telah mengadakan sesi pralawatan bertemu En. Wan Mohd Nasir Hj. Wan Omar, Timbalan Ketua Jajahan Pejabat Tanah dan Jajahan Kota Bharu dan En Wan Faiz dari Unit Pembangunan. Agenda perbincangan ialah mengenai pengenalan APPGM-SDG serta aturan tentatif.



Kajian pemetaan isu Parlimen Kota Bharu dijadualkan pada 5 hingga 7 Februari 2025 dan sesi dialog antara agensi akan berlangsung pada 23 Februari 2025.



FGD 1: KOMUNITI IBU TUNGGAL

FGD pertama ini melibatkan golongan ibu tunggal dari Bunut Payong, Kota Bharu. Sesi ini telah dihadiri oleh YB DUN Bunut Payong, En. Shaari, wakil Ahli Parlimen serta 14 orang ibu tunggal. Antara isu yang telah diutarakan adalah: **(1)** kos sara hidup yang semakin meningkat; **(2)** tiada tempat bagi pemasaran produk; **(3)** tiada pendedahan bagi pemasaran secara atas talian; dan **(4)** proses bagi mendapatkan bantuan agak lama.



FGD 2: KOMUNITI PETANI

Sesi FGD telah berlangsung bersama komuniti petani di Bunut Payong, Kota Bharu. Sesi ini telah dihadiri oleh Pegawai Pusat Khidmat Parlimen dan 16 orang petani. Antara isu yang telah diutarakan merangkumi: **(1)** tiada info mengenai bantuan bagi petani; **(2)** gangguan haiwan peliharaan dan haiwan liar merosakkan tanaman seperti lembu dan babi; **(3)** tiada kursus atau bengkel mengenai tanaman; dan **(4)** tidak menerima maklum balas setelah menghantar permohonan bantuan.



LAWATAN TAPAK 1: KAWASAN LEMBAH SIREH

Sesi lawatan tapak telah dijalankan di kawasan lembah sireh untuk melihat sistem saluran perparitan dan air termenung. Hasil lawatan telah mendapati bahawa, tiada saluran perparitan yang tersusun menyebabkan air sisa kumbuhan mengalir dan bertakung di kawasan rendah dan kawasan perumahan. Hal ini menyebabkan bau yang tidak enak dan menjejaskan kebersihan kawasan sekeliling.



FGD 3: KOMUNITI MISKIN BANDAR

Sesi FGD telah berlangsung bersama komuniti penduduk di bawah paras kemiskinan di Kota Bharu. Sesi ini telah dihadiri oleh 12 orang ketua isi rumah. Antara isu yang telah diutarakan adalah: **(1)** kos sara hidup meningkat; **(2)** proses mendapatkan bantuan yang lama, sehingga mengambil masa 10 tahun; **(3)** gangguan anjing liar; **(4)** isu kewarganegaraan; dan **(5)** komuniti tidak mahir untuk membuat permohonan bantuan secara atas talian.



LAWATAN TAPAK 2: KAWASAN SETINGGAN HOTEL IBIS

Sesi lawatan tapak telah berlangsung di kawasan setinggan belakang hotel Ibis. Hasil lawatan mendapati bahawa kawasan yang sangat sempit menjadi satu kesukaran bagi pihak bomba untuk datang apabila berlaku kebakaran. Selain itu, isu air yang tidak mencukupi dan pam air yang kecil bagi menampung kegunaan harian.



FGD 4: KOMUNITI BELIA

FGD 4 telah melibatkan golongan belia di Berek 12, Kota Bharu. Sesi ini telah dihadiri oleh 11 orang belia. Antara isu yang telah diutarakan adalah: **(1)** kos sara hidup yang semakin meningkat; **(2)** gangguan anjing liar; **(3)** tiada kewarganegaraan; dan **(4)** masalah dadah yang semakin meningkat



FGD 5: KOMUNITI NGO

FGD 5 telah melibatkan golongan NGO. FGD ini telah berlangsung di Dewan Purnama, Kota Bharu yang melibatkan NGO. Sesi ini telah dihadiri oleh 16 orang daripada NGO. Antara isu yang telah diutarakan adalah: **(1)** dana yang tidak mencukupi; **(2)** kesukaran dalam membuat sesuatu proses permohonan dari JPS; dan **(3)** kesukaran menjalankan aktiviti kebajikan akibat kerosakan jalan



LAWATAN TAPAK 3: KAWASAN PASAR BEREK 12

Sesi lawatan tapak telah berlangsung di sekitar pasar Berek 12 Kota Bharu. Melihat suasana pasar dan didapati lot jualan banyak yang kosong kerana tiada pewaris selepas kematian peniaga.



LAWATAN TAPAK 4: TEBING ALOR C TANJUNG MAS

Sesi lawatan tapak telah berlangsung di sekitar Tebing Alor C Tanjung Mas. Hasil lawatan mendapati hakisan berlaku setiap tahun apabila musim hujan dan telah menjejaskan keselamatan penduduk.



LAWATAN TAPAK 5: PERSATUAN PENDUDUK MUKIM TANJUNG MAS

Sesi lawatan tapak telah berlangsung di Persatuan Penduduk Mukim Tanjung Mas. Melawat kolam ikan dan tanaman sawi yang dilakukan oleh penduduk tempatan, sebagai salah satu penjanaan persatuan.



FGD 6: KOMUNITI PENIAGA

FGD 6 telah melibatkan golongan peniaga. Sesi ini telah dihadiri oleh En.Nik Hazim Nik rashid (Setiausaha Dun Kota Lama), En. Aaron (Ahli Pusat Integrasi Antara Kaum) serta 13 orang peniaga. Antara isu yang telah diutarakan adalah: **(1)** isu kecurian kenderaan dan barangan perniagaan di sekitar PPR Kota Bharu; **(2)** tiada maklumat mengenai bantuan perniagaan selain daripada bantuan daripada DUN; **(3)** harga bahan mentah yang semakin meningkat seperti nescafe dan minyak; **(4)** permohonan bantuan secara atas talian menyukarkan peniaga untuk memohon; dan **(5)** jalan rosak akibat aktiviti gali lubang bagi kerja membaiki paip.



FGD 7: KOMUNITI ORANG CINA

FGD 7 telah melibatkan komuniti Cina di sekitar Kota Lama, Kota Bharu. sesi ini telah dihadiri oleh En. Aaron (Ahli Pusat Integrasi Antara Kaum) serta 15 Orang Cina. Antara isu yang telah diutarakan adalah: **(1)** perayaan yang dijalankan berhampiran stadium menyebabkan aliran trafik ke hospital besar; **(2)** jalan berlubang di kawasan perumahan; **(3)** longkang tersumbat mengakibatkan banjir kilat; dan **(4)** tekanan air (AKSB) yang perlahan dan berkarat.



FGD 8: KOMUNITI ORANG INDIA

FGD 8 telah melibatkan komuniti India di Kota Bharu. Sesi ini telah dihadiri oleh En. Hareetaran, Ahli Majlis MPKB serta 9 orang dari komuniti India. Antara isu yang telah diutarakan adalah: **(1)** peluang pekerjaan terhad terutamanya golongan wanita; **(2)** proses agihan bantuan MITRA yang tidak menyeluruh; **(3)** proses permohonan RIBI yang mempunyai syarat yang semakin ketat; **(4)** kos sara hidup semakin meningkat dengan pendapatan yang kecil; dan **(5)** banjir kilat berlaku akibat tiada penyelenggaraan longkang.

BAHAGIAN B

Laporan Pemetaan Isu
P.021 Kota Bharu

Senarai Jadual

Jadual 1	Keluasan Kawasan Parlimen Kota Bharu mengikut DUN
Jadual 2	Pecahan penduduk mengikut kaum di Parlimen Kota Bharu
Jadual 3	Tentatif Lawatan Tapak
Jadual 4	Rangkuman Isu Rentas SDG
Jadual 5	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 1
Jadual 6	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 2
Jadual 7	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 3
Jadual 8	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 4
Jadual 9	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 5
Jadual 10	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 6
Jadual 11	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 7
Jadual 12	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 8
Jadual 13	Ringkasan Isu 1
Jadual 14	Ringkasan Isu 2
Jadual 15	Ringkasan Isu 3
Jadual 16	Pengenalpastian Projek Penyelesaian

Senarai Singkatan

AADK	Agensi Antidadah Kebangsaan
APPGM-SDG	<i>All Party Parliamentary Group Malaysia- Sustainable Development Goals</i>
DOSM	<i>Department of Statistic Malaysia</i>
DUN	Dewan Undangan Negeri
FGD	<i>Focus Group Discussion</i>
IAD	<i>Interagency Dialogue</i>
JKM	Jabatan Kebajikan Masyarakat
JKR	Jabatan Kerja Raya
KADA	Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu
KKM	Kementerian Kesihatan Malaysia
KPDNKK	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan
LHDN	Lembaga Hasil Dalam Negeri
MITRA	Unit Transformasi Masyarakat India Malaysia
MPKB-BRI	Majlis Perbandaran Kota Bharu-Bandaraya Islam
NGO	<i>Non-Governmental Organisation</i>
OKU	Orang Kurang Upaya
OSCA	<i>One Stop Centre Addiction</i>
PBT	Pihak Berkuasa Tempatan
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
PPR	Projek Perumahan Rakyat
RIBI	Rumah Ibadat Bukan Islam
ROS	<i>Registrar of Society</i>
SDG	<i>Sustainable Development Goals</i>
SPANK	Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negeri Kelantan
SSM	Suruhanjaya Syarikat Malaysia
STR	Sumbangan Tunai Rahmah
SUK	Setiausaha Kerajaan

1.0 PENGENALAN

Parlimen Kota Bharu P.021 diterajui oleh YB Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan sebagai Ahli Parlimen. YB Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan telah memenangi kerusi pilihanraya umum (PRU) ke-15 dengan majoriti 22,613, jumlah undian 41,869. Pertembungan enam penjurur pada PRU 15 itu turut melibatkan Dr Hafidzah daripada Pakatan Harapan (PH), Hj. Rosmadi Ismail daripada Barisan Nasional (BN), Andy Tan @ Awang daripada Parti Rakyat Malaysia (PRM), Prof. Dato Dr Che Musa Che Omar daripada Parti Bumiputera Perkasa Malaysia (PUTRA) dan Izat Bukhary daripada Bebas (PEN).



**YB Datuk Seri Haji
Takiyuddin Hassan**

Parlimen Kota Bharu adalah di bawah pentadbiran Daerah Kota Bharu dan Pihak Berkuasa Tempatan bagi kawasan ini ialah Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandar Raya Islam (MPKB-BRI). Terdapat tiga kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN), iaitu DUN Tanjung Mas, DUN Kota Lama dan DUN Bunut Payong.

1.1 GeograJ /TopograJ

Sehingga 2023, keluasan kawasan Parlimen Kota Bharu adalah 39.84 kilometer persegi dengan jumlah penduduk seramai 198,168 orang. Oleh itu, kepadatan penduduknya adalah kira-kira 4,974 orang per satu kilometer persegi¹.

Jadual 1. Keluasan Kawasan Parlimen Kota Bharu mengikut DUN

KOD	BAHAGIAN PILIHAN RAYA	LUAS KAWASAN BAHAGIAN PILIHAN RAYA (KM PERSEGI)
N.08	Tanjong Mas	15
N.09	Kota Lama	5
N.10	Bunut Payong	13
P.021	KOTA BHARU	33

Sumber: Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia. (2018). Laporan Kajian Semula Persempadanan (Jilid 1).

Jadual 1 menunjukkan anggaran keluasan kawasan bahagian-bahagian pilihan mengikut DUN. Bagi DUN Tanjung Mas, keluasan kawasan ialah 15km², DUN Kota Lama, 5 km² dan DUN Bunut Payong dengan keluasan 13km².

¹ My Local Stats Kota Bharu Kelantan 2023

Jumlah keluasan ketiga-tiga DUN ini adalah kira-kira 33 km persegi, yang merupakan sebahagian besar kawasan Parlimen Kota Bharu. Namun, terdapat sedikit perbezaan antara jumlah keluasan DUN dan keluasan keseluruhan parlimen yang dilaporkan oleh sumber rasmi. Ini mungkin disebabkan oleh sempadan yang bertindih atau kaedah pengiraan yang berbeza bagi setiap sumber data.

1.2 Komposisi Penduduk

Kawasan Parlimen Kota Bharu didiami oleh 198,168 penduduk pada tahun 2023. Daripada jumlah ini, 195,579 adalah warganegara dan 2,589 adalah bukan warganegara. Majoriti penduduk di kawasan ini ialah Bumiputera, diikuti oleh kaum Cina, India, dan lain-lain:

Jadual 2. Pecahan penduduk mengikut kaum di Parlimen Kota Bharu

KAUM	JUMLAH PENDUDUK
Bumiputera	191,959
Cina	5,593
India	430
Lain-lain	1,768

Sumber: My Local Stats Kota Bharu Kelantan 2023

Jadual 2 menunjukkan majoriti penduduk di Parlimen Kota Bharu ialah Bumiputera dengan jumlah penduduk 191,959, diikuti kaum Cina 5,593, kaum India 430 dan lain-lain kaum 1,768.

1.3 Kegiatan Ekonomi Utama

Sektor pertanian dan penternakan merupakan nadi ekonomi utama di Kota Bharu. Berdasarkan data terkini dari Jabatan Pertanian Malaysia pada tahun 2023², pengeluaran kelapa mendominasi sektor tanaman industri dengan jumlah pengeluaran tertinggi, iaitu sebanyak 7,704.4 tan metrik yang diusahakan di kawasan seluas 1,879.6 hektar. Selain itu, penduduk tempatan turut mengusahakan pelbagai jenis tanaman kontan seperti jagung manis, kacang tanah, ubi kayu, dan tebu kuning. Keseluruhan pengeluaran daripada tanaman ini mencecah 1,369.9 tan metrik pada tahun yang sama. Dalam segmen tanaman sayuran pula, timun merekodkan pengeluaran tertinggi dengan jumlah 2,451.5 tan metrik, yang dihasilkan dari kawasan penanaman seluas 127.6 hektar. Data ini jelas menunjukkan sumbangan besar sektor pertanian dalam menjana pendapatan dan memastikan keselamatan bekalan makanan di kawasan Kota Bharu.

² Jabatan Pertanian Malaysia. (2023). Laporan Tahunan Pengeluaran Pertanian Daerah Kota Bharu.

Selain itu, sektor perdagangan dan perkhidmatan juga memainkan peranan penting dalam ekonomi Kota Bharu. Sebagai ibu negeri Kelantan, Kota Bharu berfungsi sebagai pusat komersial utama yang menyediakan pelbagai perkhidmatan, dari kedai runcit tradisional hingga pusat beli-belah moden. Aktiviti perniagaan di sini amat rancak, terutamanya di kawasan seperti Pasar Siti Khadijah yang terkenal dengan pelbagai produk tempatan dan makanan tradisional. Selain itu, sektor perkhidmatan seperti kewangan, kesihatan, dan pendidikan turut berkembang pesat untuk memenuhi keperluan penduduk yang semakin bertambah.

Pelancongan adalah satu lagi sektor penting yang menjadi tunjang ekonomi Kota Bharu. Bandar ini kaya dengan tarikan budaya dan sejarah, menjadikannya destinasi popular di kalangan pelancong tempatan dan antarabangsa. Antara tempat menarik yang sering dikunjungi ialah Muzium Negeri Kelantan, Istana Jahar, dan Kampung Kraftangan. Pelancong juga tertarik dengan keunikan warisan Kelantan seperti seni ukiran kayu, batik, dan persembahan wayang kulit. Sektor ini bukan sahaja menjana pendapatan, malah membuka banyak peluang pekerjaan dalam industri perhotelan, pengangkutan, dan makanan.

1.4 Hubungan Kerangka Konseptual SDG dan Konteks Tempatan

Parlimen Kota Bharu adalah sebuah kawasan yang sibuk dan membangun pesat, tetapi masih mengekalkan ciri-ciri tradisional, terutamanya di kawasan luar bandar. Landskapnya rata, dikelilingi oleh sungai dan sawah padi. Ekonomi di sini sangat bergantung pada perdagangan, perkhidmatan, pertanian, dan pelancongan. Di pusat bandar, aktiviti perniagaan sangat aktif, terutama di Pasar Siti Khadijah yang terkenal. Selain itu, sektor perkhidmatan juga berkembang pesat, merangkumi pelbagai bidang seperti perbankan, kesihatan, dan pendidikan, yang menjadi tulang belakang kepada pembangunan bandar. Sementara itu, di kawasan pinggir bandar, sektor pertanian kekal penting. Penduduk tempatan aktif menanam pelbagai tanaman seperti kelapa, sayur-sayuran, dan buah-buahan, yang menyumbang kepada bekalan makanan tempatan dan pendapatan penduduk. Sektor pelancongan pula terus berkembang, didorong oleh kekayaan warisan budaya dan sejarah yang ada di Kota Bharu. Tapak-tapak bersejarah, muzium, dan seni kraf tangan menjadi daya tarikan utama yang menarik ramai pengunjung, sekaligus menyokong industri perhotelan dan pengangkutan di kawasan ini.

Berdasarkan konteks dan latar belakang sosioekonomi Parlimen Kota Bharu, beberapa Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) adalah sangat relevan dan penting untuk pembangunan lestari di sini. Matlamat yang pertama ialah **SDG 8: Pekerjaan yang Baik dan Pertumbuhan Ekonomi**. Matlamat ini amat penting kerana ekonomi Kota Bharu bergantung kepada sektor perdagangan, perkhidmatan, pertanian, dan pelancongan.

Untuk memastikan pertumbuhan yang mampan, fokus utama adalah pada **Sasaran 8.3** yang menggalakkan dasar berorientasikan pembangunan. Ini termasuk menyokong aktiviti produktif, keusahawanan, kreativiti, dan inovasi, serta memformalkan dan meningkatkan pertumbuhan perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PKS).

Matlamat **SDG 1: Tiada Kemiskinan** juga relevan. Berhubung kait dengan pertumbuhan ekonomi, isu kemiskinan masih wujud, terutamanya di kawasan luar bandar. Oleh itu, **Sasaran 1.2** adalah kritikal, kerana ia bertujuan untuk mengurangkan sekurang-kurangnya separuh kadar kemiskinan mengikut definisi nasional menjelang 2030. Usaha ini perlu disasarkan kepada golongan yang terpinggir dan terdedah kepada kerentanan ekonomi.

Selain itu, **SDG 11: Bandar dan Komuniti Mampan** amat penting untuk menguruskan pembangunan pesat di Kota Bharu. Ia memastikan perumahan yang mencukupi dan perkhidmatan asas tersedia, sambil memelihara warisan budaya yang kaya. **Sasaran 11.1** menekankan keperluan untuk memastikan akses kepada perumahan yang mencukupi, selamat, dan berpatutan, serta perkhidmatan asas. Ini penting untuk memelihara keutuhan sosial dan memastikan komuniti kekal inklusif dan berdaya tahan.

Akhir sekali, **SDG 12: Penggunaan dan Pengeluaran Bertanggungjawab** penting untuk menangani isu alam sekitar seperti pengurusan sisa. Pengurangan sisa, kitar semula, dan penggunaan semula adalah langkah kritikal untuk melindungi persekitaran semula jadi di kawasan ini. Untuk menangani isu alam sekitar ini, **Sasaran 12.5** adalah penting. Ia menyeru untuk mengurangkan penjejakan sisa secara ketara melalui pencegahan, pengurangan, kitar semula, dan penggunaan semula. Langkah-langkah ini penting untuk melindungi ekosistem tempatan dan memastikan kelestarian alam sekitar di Kota Bharu.

2.0 METODOLOGI PENYELIDIKAN

2.1 Pendekatan Kajian

Pengumpulan data untuk lawatan tapak di Parlimen Kota Bharu dilakukan melalui kaedah kajian lapangan dan perbincangan kumpulan fokus. Peringkat awal yang dimulakan dengan pengumpulan data telah dilakukan pada 23 Disember 2024. Puan Nur Rahmah, Dr Siti Nur Ain dan Siti Aiyah, telah mengadakan mesyuarat pembentukan profil Parlimen Kota Bharu bersama YB Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan di Pusat Komuniti MYSDG Kota Bharu. Agenda mesyuarat adalah untuk pengenalan APPGM-SDG serta membincangkan draf tentatif lawatan, kumpulan sasaran serta permasalahan yang sedia ada di Parlimen Kota Bharu. Tarikh untuk lawatan tapak Parlimen Kota Bharu semasa perbincangan adalah pada 18-20 Januari 2025, namun ia telah ditunda ke 5 hingga 7 Februari atas kekangan daripada pihak Ahli Parlimen.

Sesi libat urus bersama agensi telah diadakan pada 23 Februari 2025 di Pejabat Tanah dan Jajahan Kota Bharu. Manakala sesi pengutamaan isu bersama Ahli Parlimen telah dilakukan pada 13 Mac 2025.

Teknik yang telah digunakan adalah melalui kaedah perbincangan fokus berkumpulan (FGD) secara bersemuka. Sesi perbincangan ini telah dijalankan oleh lima orang penyelidik APPGM-SDG bersama komuniti semasa lawatan tapak diadakan. Penyelidik terlibat bagi pemetaan isu Parlimen Kota Bharu adalah seperti berikut:

- | | |
|--------------------|---|
| 1. Dr Siti Nur Ain | : Ketua Penyelidik |
| 2. Nur Syadhira | : Penyelidik APPGM-SDG |
| 3. Syza Bazilah | : Pegawai Pusat Komuniti MYSDG Pantai Timur |
| 4. Nur Syafiqah | : Penyelaras Tempatan |
| 5. Rozlan Daud | : Penyelaras Tempatan |

Terdapat lapan *Focus Group Discussion* (FGD) dan dua lawatan tapak telah dijalankan bersama komuniti tempatan dan NGO selama tiga hari di kawasan lokaliti Parlimen Kota Bharu seperti Jadual 3.

Jadual 3. Tentatif Lawatan Tapak

TARIKH	AKTIVITI
23 Disember 2024, Isnin	Mesyuarat Awalan: Ahli Parlimen Kota Bharu
26 Januari 2025, Ahad	Pra-Lawatan: Pejabat Tanah Dan Jajahan Kota Bahru
05 Februari 2025, Rabu	• Sesi Dialog 1: Komuniti Ibu Tunggal • Sesi Dialog 2: Komuniti Petani • Lawatan Tapak 1: Kampung Kota & Jalan Puteri Saadong (Perparitan Dan Air Termenung) • Sesi Dialog 3: Komuniti Miskin Bandar • Lawatan Tapak 2: Kawasan Setinggal Belakang Ibis
06 Februari 2025, Khamis	• Sesi Dialog 4: Komuniti Belia • Lawatan Tapak 3: Sekitar Pasar Berek 12 • Sesi Dialog 5: NGO • Lawatan Tapak 4: Tebing Sungai Alor C • Lawatan Tapak 5: Ternakan Puyu Persatuan Penduduk Mukim Tanjong Mas
07 Februari 2025, Jumaat	• Sesi Dialog 6: Komuniti Kumpulan Peniaga • Sesi Dialog 7: Komuniti Penduduk Etnik Cina • Sesi Dialog 8: Komuniti Penduduk Etnik India

2.2 Langkah Etika Semasa Kajian Lapangan

Ketua penyelidik mendapatkan persetujuan daripada peserta terlebih dahulu untuk merekodkan suara dan diambil video dan gambar. Sekiranya, peserta FGD tidak bersetuju apa yang dikatakan untuk direkod dan melarang mengambil gambarnya, maka penyelidikan ini tidak boleh mengambil kira perkara tersebut untuk dilaporkan dan dikongsikan di mana-mana platform. Namun begitu, bagi kajian pemetaan isu di Parlimen Kota Bharu, tiada apa-apa halangan daripada pihak peserta.

2.3 Kekangan Lawatan Kajian Lapangan

Kekangan utama adalah berkenaan pengurusan daripada wakil pegawai Ahli Parlimen yang diberi tanggungjawab untuk membantu dalam proses mengumpulkan komuniti, tempat dan sesi FGD. Ini kerana pegawai yang bertanggungjawab telah mengagihkan tugas kepada pegawai baru dalam masa yang singkat. Keadaan ini memberi kesan kepada penundaan sesi lawatan sebanyak dua kali termasuk pembatalan tarikh pada saat akhir, iaitu pada 30 Januari dan ketika tarikh lawatan dijadualkan pada 1 Februari. Ekoran itu juga, sesi lawatan terpaksa ditunda kepada 5 hingga 7 Februari kerana pihak pengurusan tidak dapat membuat persediaan untuk menerima kedatangan kumpulan penyelidik.

Kekangan kedua, adalah dari segi penetapan kumpulan penyelidik. Perubahan tarikh sesi pemetaan yang kerap telah menyebabkan rombongan kumpulan penyelidik perlu dilakukan. Ini juga memberi kesan terhadap urusan sewaan penginapan, kereta, dan penyediaan makanan di tapak kajian.

Kekangan terakhir adalah bilangan peserta untuk beberapa kumpulan sasaran tidak seimbang daripada segi pembahagian mengikut gender. Bagi sesi dialog bersama komuniti miskin tegar, hanya tiga wanita yang aktif menyuarakan isu manakala selebihnya adalah peserta lelaki. Begitu juga peserta belia, iaitu hanya dua wanita terlibat dan selebihnya adalah lelaki.

2.4 Keterbatasan Kajian

Keterbatasan kajian adalah kumpulan sasaran yang ditemui kebanyakannya terdiri daripada peniaga. Justeru, mereka lebih banyak berkongsi isu perniagaan. Sebagai contoh perjumpaan dengan belia dan ibu tunggal, mereka lebih banyak berkongsi tentang perniagaan berbanding fokus permasalahan daripada sudut pandang belia dan ibu tunggal. Kajian juga mempunyai perjumpaan dengan golongan sasaran 'peniaga', justeru, input yang diperolehi kebanyakan tentang perniagaan dan kos perniagaan.

Selain itu, bilangan peserta yang agak kecil bagi sesi dialog komuniti India dan bercampur dengan peserta dari luar Parlimen Kota Bharu turut merupakan batasan kajian ini.

Maklumat yang dikongsi bersama pasukan penyelidik, komuniti India di Parlimen Kota Bharu adalah agak kecil, justeru mereka telah memanggil mereka yang di luar kawasan. Ini menyebabkan isu yang dikongsi turut meliputi komuniti India dari Parlimen lain.

Bagi sesi dialog bersama NGO, isu yang ditemui adalah agak terhad. Ini kerana kebanyakan daripada mereka berkongsi tentang pencapaian NGO masing-masing dan menceritakan perkara-perkara positif tentang sambutan penyertaan jika melakukan aktiviti NGO. Penyelidik cuba mendorong NGO untuk menyampaikan permasalahan tetapi kebanyakan daripada mereka hanya mengiyakan antara satu sama lain. Justeru, isu yang perlu diangkat bagi perbincangan dan penyelesaian menjadi terhad..

3.0 RANGKUMAN ISU RENTAS SDG

Jadual 4. Rangkuman Isu Rentas SDG

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
1.	Penilaian Kriteria Kelayakan Bantuan Sosial	Tidak mendapat bantuan dengan alasan menetap di kawasan elit, masih muda dan boleh bekerja serta golongan yang menetap di rumah batu walaupun ianya rumah warisan, mempunyai gelang emas, motosikal, kereta atau langganan Astro. Bantuan persekolahan tidak diberikan sekiranya anak kurang daripada tiga orang, manakala bantuan yang disediakan kerajaan melalui JKM kepada anak-anak OKU pula terlalu kecil dan perlu dikaji semula bagi membantu ibu bapa.	Sosial dan Ekonomi	Ibu Tunggal, OKU, Komuniti Cina, Peniaga, Belia, NGO, Petani, Warga Emas, Kumpulan Miskin Bandar, Komuniti India	Dusun Muda, Bunut Payong, Kampung Paya Bembang	SDG 1: Tiada Kemiskinan <i>Sasaran 1.1</i> – Membasmi kemiskinan tegar pada tahun 2030, di mana sara hidup seharian adalah kurang dari \$1.25 (anggaran RM5.50) sehari. <i>Sasaran 1.3</i> – Melaksanakan sistem perlindungan sosial dan langkah yang sesuai pada peringkat kebangsaan untuk semua, termasuk rakyat jelata, serta meliputi sebahagian besar golongan miskin dan berisiko menjelang 2030.

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
		Tidak mendapat maklumat mengenai bantuan sama ada daripada penghulu atau agensi kerajaan, malah ada yang hanya menerima maklumat hampir dengan tarikh tutup permohonan. Proses permohonan bantuan secara dalam talian turut menyukarkan penduduk, khususnya warga emas. Bantuan banjir hanya diberikan kepada orang Melayu sahaja manakala kaum Cina tidak mendapat akses, selain syarat-syarat permohonan bantuan yang menyukarkan pemohon. Bagi aspek bantuan perniagaan dan NGO, peniaga belia takut untuk membuka akaun SSM			Kota Bharu, Berek 12, Kota Lama	SDG 10: Mengurangkan Ketidaksamarataan <i>Sasaran 10.2</i> – Menjelang 2030, memperkasa dan menggalakkan keterangkuman sosial, ekonomi dan politik untuk semua, tanpa mengira umur, jantina, ketidakupayaan, bangsa, etnik, asal usul, agama atau status ekonomi atau status lain. <i>Sasaran 10.4</i> – Menerapkan dasar, terutamanya dasar fiskal, upah dan perlindungan sosial, serta mencapai kesaksamaan yang lebih baik secara progresif.

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
		kerana khuatir tidak layak mendapat bantuan berikutan tiada penerangan mengenai SSM dilakukan. Bantuan NGO di bawah ROS yang dinyatakan berjumlah RM10,000 hanya diberikan RM3,000 selepas permohonan lulus. Bantuan MITRA pula hanya diagihkan kepada komuniti India Muslim manakala India bukan Muslim tidak mendapat manfaat. Bantuan perniagaan berskala besar seperti MARA, PNB, FELDA dan FELCRA pula lebih banyak diberikan kepada golongan T20 berbanding golongan B40 dan M40 yang lebih memerlukan.				SDG 16: Keamanan, Keadilan dan Institusi yang Kuat <i>Sasaran 16.5</i> – Mengurangkan dengan ketara semua bentuk rasuah. <i>Sasaran 16.6</i> – Membangunkan institusi yang berkesan, bertanggungjawab dan telus pada semua peringkat.

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
2.	Peluang pekerjaan yang terhad	Tiada pekerjaan yang setaraf dengan pendidikan menyebabkan ramai terpaksa menerima apa sahaja kerja demi kelangsungan hidup. Ada yang terpaksa berhijrah keluar negeri untuk mendapatkan pekerjaan. Belia yang berminat dalam bidang pertanian pula berdepan kekangan kerana tiada modal untuk memulakan usaha. Selain itu, peluang pekerjaan bagi golongan wanita juga didapati lebih rendah berbanding lelaki.	Sosial	Belia, Petani, Belia Wanita, Wanita India	Kota Bharu, Bunut Payong	SDG 8: Pekerjaan yang Baik dan Pertumbuhan Ekonomi <i>Sasaran 8.5</i> – Menjelang 2030, mencapai guna tenaga penuh dan produktif serta pekerjaan yang baik untuk semua golongan wanita dan lelaki, termasuk belia dan orang kurang upaya, serta bayaran sama rata untuk kerja dengan nilai yang sama. SDG 10: Mengurangkan Ketidaksamarataan <i>Sasaran 10.2</i> – Menjelang 2030, memperkasa dan menggalakkan keterangkuman sosial, ekonomi dan politik untuk semua, tanpa mengira umur, jantina, ketidakupayaan, bangsa, etnik, asal usul, agama atau status ekonomi atau status lain.

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
3.	Penggunaan, Vape dan Ketum yang semakin menjadi norma dalam kalangan anak muda	Penggunaan ketum di peringkat belia semakin berleluasa dan dikatakan bekalannya datang dari luar Kota Bharu. Terdapat juga sebilangan orang tua yang menggunakan ketum sebagai ubat penambah tenaga, malah ada belia yang bekerja sebagai rider Grab atau Foodpanda turut dilihat menggunakannya. Dalam masa yang sama, penggunaan vape menjadi perkara normal di kalangan kanak-kanak kerana terlalu banyak kedai vape. Malah, pelajar sekolah rendah, menengah termasuk pelajar perempuan juga didapati menghisap vape.	Sosial	Belia, Warga Emas, Belia, Kanak-kanak,	Kota Bharu	SDG 3: Kesihatan dan Kesejahteraan <i>Sasaran 3.5</i> – Mengukuhkan pencegahan dan rawatan penyalahgunaan bahan, termasuk penyalahgunaan dadah narkotik dan pengambilan alkohol yang memudaratkan. SDG 4: Pendidikan Berkualiti <i>Sasaran 4.7</i> – Menjelang 2030, memastikan semua pelajar memperoleh pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk menggalakkan pembangunan mampan, termasuk antara lain, melalui pendidikan untuk pembangunan mampan dan gaya hidup mampan, hak asasi manusia, kesaksamaan gender, menggalakkan budaya selamat dan bebas keganasan, kewarganegaraan global dan menghargai kepelbagaian budaya

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
						serta sumbangan budaya kepada pembangunan mampan. SDG 16: Keamanan, Keadilan dan Institusi yang Kuat <i>Sasaran 16.3</i> – Menjunjung kedaulatan undang-undang pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa serta memastikan akses sama rata kepada keadilan untuk semua.
4.	Permohonan status Kewarganegaraan	Tidak memohon IC dan surat beranak kerana prosedur daripada JPN yang rumit. Ada yang masih memegang IC merah walaupun sudah lebih 30 tahun menetap di Malaysia walaupun bapa adalah warganegara Malaysia. Malah, ada juga yang hanya diberikan IC hijau (sementara) untuk tempoh 5 tahun sahaja.	Sosial	Miskin Bandar, Komuniti India	Kota Bharu	SDG 16: Keamanan, Keadilan dan Institusi yang Kuat Sasaran 16.9 – Menjelang 2030, menyediakan pengenalan yang sah untuk semua, termasuk pendaftaran kelahiran.

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
		Orang bukan Islam didapati lebih sukar untuk mendapatkan IC, manakala ada permohonan yang sudah melebihi 5 tahun tetapi statusnya masih dalam proses.				
5.	Kekurangan koordinasi antara penyelenggara an dan pengurusan kemudahan asas	Longkang tersumbat dan air melimpah ketika hujan di kawasan depan stesen bas Kota Bharu menyebabkan pelanggan tidak dapat masuk ke kedai kerana air bertakung. Keadaan ini bertambah buruk apabila pekerja yang menjalankan kerja-kerja mesin rumput tidak mencuci sisa potongan rumput di dalam longkang sehingga menyebabkan ia tersumbat.	Sosial dan Alam Sekitar	Peniaga, Ibu Tunggal, Penduduk, Komuniti Cina	Bandar Lama Kota Bharu, Bunut Payong, Kubang Tuman, Taman Uda, Tanjung Chat Desa Rahmat Persiaran Husna 5 Kampung Teluk Panji.	SDG 3: Kesihatan yang Baik dan Sejahtera Sasaran 3.6 ¶ Menjelang 2020, mengurangkan separuh angka kematian dan kecederaan global akibat kemalangan jalan raya.

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
		Banjir kilat kerap berlaku apabila hujan lebat kerana longkang yang kecil dan tersumbat, manakala aduan mengenai masalah longkang telah dibuat tetapi agensi mengambil masa lama untuk melakukan penyelenggaraan. Di sesetengah kampung pula, ketiadaan longkang menyebabkan aliran air tidak lancar sekali gus mudah berlakunya banjir kilat. Jalan kampung mudah rosak kerana menjadi laluan utama kenderaan berat seperti lori selain pernah berlaku insiden polis kejar-mengejar penjenayah di kawasan tersebut. Kerajaan negeri pula tidak mempunyai			Tanjung Chat Desa Rahmat Persiaran Husna 5 PPR Kota Bharu Kg Tok Jaafar, Wakaf Che Yeh. Lorong Marican, Belakang Billion. Kampung Tanjung Chat. Kampung-kampung sekitar Kota Bharu.	SDG 9: Industri, Inovasi dan Infrastruktur Sasaran 9.1 ̄ Membangunkan infrastruktur yang berkualiti, andal, mampan dan berdaya tahan, termasuk infrastruktur serantau dan rentas sempadan, untuk menyokong pembangunan ekonomi dan kesejahteraan manusia dengan tumpuan pada akses yang saksama serta mampu milik untuk semua.

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
		peruntukan untuk membaiki jalan kampung kerana peruntukan yang ada hanya digunakan bagi membuat dan menurap jalan baharu. Kerja-kkerja memasukkan paip biru juga menyebabkan jalan dikorek tetapi tidak ditutup kembali dengan kemas. Keadaan jalan yang rosak dan berlubang besar pula lambat dibaiki sehingga membahayakan penduduk. Bekalan air terputus selama tiga hingga empat hari dan tindakan menghantar bekalan air adalah perlahan.			Kawasan Telipot di belakang sekolah Zainab. Kota Bharu, Jalan Merbau dan Jalan Chong Hwa.	

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
6.	Kos sara hidup yang meningkat	Kenaikan harga barang yang tidak terkawal menyukarkan pengguna dan peniaga, contohnya beras daripada RM13 naik kepada RM22 dan santan 1kg daripada RM8 meningkat sehingga RM15. Keadaan ini memaksa ramai terpaksa melakukan beberapa kerja untuk menampung kos hidup seperti menjadi tukang cuci, pengawal keselamatan, promoter, membuka bengkel kimpalan dan menjalankan pertanian.	Ekonomi	Peniaga, Belia, Komuniti Miskin Bandar, Ibu Tunggal, Komuniti India	Keseluruhan kawasan Kota Bharu	SDG 1: Tiada Kemiskinan <i>Sasaran 1.1</i> – Membasmi kemiskinan tegar pada tahun 2030, di mana sara hidup seharian adalah kurang dari \$1.25 (anggaran RM5.50) sehari. <i>Sasaran 1.2</i> – Menjelang 2030, mengurangkan sekurang-kurangnya separuh daripada jumlah lelaki, wanita dan kanak-kanak pada semua peringkat umur yang hidup dalam kemiskinan dalam semua dimensi menurut takrifan kebangsaan.
		Bekalan minyak masak paket juga sukar didapati sehingga pengguna terpaksa membeli minyak botol yang jauh lebih mahal, malah ada kedai			Kawasan Kota Bharu, Lembah Sireh, Jalan Merbau, Bunut	SDG 8: Pekerjaan yang Baik dan Pertumbuhan Ekonomi <i>Sasaran 8.5</i> – Menjelang 2030, mencapai guna tenaga penuh dan produktif serta pekerjaan yang baik untuk semua golongan wanita dan lelaki, termasuk belia dan orang kurang upaya, serta bayaran sama

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
		yang mengenakan pembelian bersyarat. Peningkatan harga barang ini turut memberi kesan kepada peniaga apabila pelanggan, khususnya di kedai makan, semakin berkurang. Selain itu, peniaga turut terkesan akibat kekurangan bekalan santan dan kelapa yang semakin ketara.			Payong, Berek 12, Kota Lama	rata untuk kerja dengan nilai yang sama.
7.	Persaingan perniagaan dengan warga asing	Persaingan dengan kedai runcit warga asing seperti Pakistan semakin meluas hingga menyebabkan banyak kedai Melayu terpaksa ditutup. Barangan di kedai runcit tempatan Melayu pula lebih mahal berbanding kedai milik Pakistan, malah barangan bersubsidi khususnya minyak paket lebih mudah didapati di	Ekonomi	Peniaga, Peniaga India	Kota Bharu, Pasar Pokok Pinang	SDG 1: Tiada Kemiskinan <i>Sasaran 1.1</i> – Membasmi kemiskinan tegar pada tahun 2030, di mana sara hidup seharian adalah kurang dari \$1.25 (anggaran RM5.50) sehari. <i>Sasaran 1.2</i> – Menjelang 2030, mengurangkan sekurang-kurangnya separuh daripada jumlah lelaki, wanita dan kanak-kanak pada semua peringkat umur yang hidup dalam kemiskinan

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
		kedai Pakistan berbanding kedai Melayu. Selain itu, peniaga turut berdepan kesukaran mendapatkan tapak premis, harga tapak perniagaan yang tinggi, serta masalah orang tengah atau tender yang menetapkan kadar sewa tapak jauh lebih mahal daripada kelulusan Majlis. Kebanyakan peniaga juga mengeluh kerana jualan semakin merosot akibat persaingan dengan jualan dalam talian yang jauh lebih murah, sedangkan rata-rata mereka tidak mempunyai kemahiran untuk berniaga secara online. Peniaga India pula berdepan kekangan berniaga dalam bulan puasa kerana waktu				dalam semua dimensi menurut takrifan kebangsaan. SDG 8: Pekerjaan yang Baik dan Pertumbuhan Ekonomi <i>Sasaran 8.3</i> – Menggalakkan dasar berorientasikan pembangunan yang menyokong aktiviti produktif, pewujudan pekerjaan yang baik, keusahawanan, kreativiti dan inovasi, serta menggalakkan pemformalan dan pertumbuhan perusahaan mikro, kecil dan sederhana, termasuk melalui akses kepada perkhidmatan kewangan. <i>Sasaran 8.5</i> – Menjelang 2030, mencapai guna tenaga penuh dan produktif serta pekerjaan yang baik untuk semua golongan wanita dan lelaki, termasuk belia dan orang kurang upaya, serta bayaran sama rata untuk kerja dengan nilai yang sama.

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
		operasi yang ditetapkan, selain kelewatan pemberian lesen perniagaan yang menyebabkan mereka dikenakan kompaun walaupun kelulusan telah diterima. Dalam masa sama, peniaga tempatan berasa tertekan apabila warga asing seperti Bangladesh bebas membuka kedai makan di tengah bandar Kota Bharu walaupun tidak mematuhi syarat-syarat perniagaan seperti memakai apron, berkasut dan mendapatkan suntikan penyediaan makanan. Warga asing juga tidak menjaga kebersihan, namun tidak dikenakan saman oleh agensi berkaitan, berbeza				SDG 11: Bandar dan Komuniti Mampan <i>Sasaran 11.1</i> – Menjelang 2030, memastikan akses kepada perumahan dan perkhidmatan asas yang mencukupi, selamat dan mampu milik untuk semua, serta menaik taraf kawasan sesak. <i>Sasaran 11.6</i> – Menjelang 2030, mengurangkan kesan buruk bandar terhadap alam sekitar per kapita, termasuk memberikan tumpuan khusus pada kualiti udara, perbandaran dan pengurusan sisa lain.

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
		dengan peniaga tempatan. Peniaga Myanmar pula berniaga tanpa lesen tetapi tidak dikenakan tindakan kerana memegang kad UNHCR. Penutupan bazar stadium pada tahun ini turut memberi kesan besar kepada peniaga yang sebelum ini bergantung untuk berniaga di situ.				
8.	Peningkatan kos input pertanian	Kenaikan mendadak harga input pertanian telah memberi kesan ketara kepada pendapatan petani. Mereka kini terpaksa berhadapan dengan peningkatan kos baja dan racun sehingga dua kali ganda. Sebagai contoh, harga baja single kuda/yara telah melonjak dari RM185 kepada RM210 seguni, manakala racun	Ekonomi	Petani	Bunut Payong	SDG 1: Tiada Kemiskinan <i>Sasaran 1.1</i> – Membasmi kemiskinan tegar pada tahun 2030, di mana sara hidup seharian adalah kurang dari \$1.25 (anggaran RM5.50) sehari. SDG 2: Sifar Kebuluran <i>Sasaran 2.3</i> – Menjelang 2030, menggandakan produktiviti pertanian dan pendapatan pengeluar makanan berskala kecil, khususnya golongan wanita, orang

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
		pula meningkat antara RM20 hingga RM30. Harga benih juga tidak terkecuali, dengan kenaikan dari RM65 kepada RM75. Pertanian di Bunut Payong tidak dibawah pemantauan Jabatan Pertanian menyebabkan tidak mendapat pinjaman jentera untuk kerja pembajakan dan terpaksa menyewa dari KADA. Petani terpaksa mengeluarkan modal permulaan yang besar, menjadikan mereka sangat terdedah kepada kerugian jika harga hasil pertanian rendah. Ini mewujudkan kitaran yang membebankan: jika rugi, mereka memerlukan modal tambahan untuk memulakan tanaman pada				asli, keluarga petani, penternak dan nelayan, termasuk melalui akses yang terjamin dan sama rata kepada tanah, sumber dan input produktif lain, pengetahuan, perkhidmatan kewangan, pasaran dan peluang bagi penambahan nilai termasuk pekerjaan bukan perladangan. <i>Sasaran 2.4</i> – Menjelang 2030, memastikan system pengeluaran makanan yang mampan serta melaksanakan amalan pertanian berdaya tahan bagi meningkatkan produktiviti dan pengeluaran serta membantu mengekalkan ekosistem yang mengukuhkan keupayaan untuk membuat penyesuaian dengan perubahan iklim, cuaca melampau, kemarau, banjir dan bencana lain, serta meningkatkan kualiti tanah-tanah secara progresif.

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
		musim seterusnya. Masalah ini diburukkan lagi oleh peranan orang tengah atau peraih yang menetapkan harga rendah, memaksa petani untuk menjual hasil mereka pada harga tidak memuaskan bagi mengelakkan lambakan dan kerosakan. Situasi ini meletakkan petani dalam kedudukan yang lemah, di mana mereka menanggung risiko terbesar tanpa kawalan terhadap harga jualan.				SDG 8: Pekerjaan yang Baik dan Pertumbuhan Ekonomi <i>Sasaran 8.3</i> – Menggalakkan dasar berorientasikan pembangunan yang menyokong aktiviti produktif, pewujudan pekerjaan yang baik, keusahawanan, kreativiti dan inovasi, serta menggalakkan pemformalan dan pertumbuhan perusahaan mikro, kecil dan sederhana, termasuk melalui akses kepada perkhidmatan kewangan.
9.	Pengawalan sempadan memberi kesan kepada perniagaan	Kawalan sempadan yang lebih ketat menyukarkan peniaga mendapatkan bekalan perniagaan dari Thailand Penyekatan barangan import dari Thailand memberi kesan kerana	Ekonomi	Peniaga Tempatan Melayu, Cina dan India	Kelantan	SDG 8: Pekerjaan yang Baik dan Pertumbuhan Ekonomi Sasaran 8.2 – Mencapai tahap produktiviti ekonomi yang lebih tinggi melalui mempelbagaian, penaiktarafan dan inovasi teknologi, termasuk melalui

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
		barangan Thailand lebih berkualiti dan murah tetapi barangan tempatan adalah mahal dan tidak berkualiti contohnya beras.				tumpuan pada sektor nilai tambah tinggi dan sektor intensif buruh. <i>Sasaran 8.3</i> – Menggalakkan dasar berorientasikan pembangunan yang menyokong aktiviti produktif, pewujudan pekerjaan yang baik, keusahawanan, kreativiti dan inovasi, serta menggalakkan pemformalan dan pertumbuhan perusahaan mikro, kecil dan sederhana, termasuk melalui akses kepada perkhidmatan kewangan. SDG 9: Industri, Inovasi dan Infrastruktur Sasaran 9.1 – Membangunkan infrastruktur yang berkualiti, andal, mampan dan berdaya tahan, termasuk infrastruktur serantau dan rentas sempadan, untuk menyokong pembangunan ekonomi dan kesejahteraan manusia dengan tumpuan pada

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
						akses yang saksama serta mampu milik untuk semua. SDG 17: Perkongsian untuk Matlamat Sasaran 17.10 – Menggalakkan sistem perdagangan multilateral sejagat, berasaskan peraturan, terbuka, tanpa diskriminasi dan saksama di Bawah Pertubuhan Perdagangan Dunia, termasuk melalui pengikatan rundingan di bawah Agenda Pembangunan Doha.
10.	Lambakan hasil pertanian	FAMA hanya mengambil hasil gred A, manakala gred lain akan menjadi lambakan. Hasil kutipan yang terlalu banyak juga menyebabkan lambakan sayur hingga ada yang ditinggalkan rosak begitu sahaja. Penanaman serentak tanaman yang sama turut berlaku kerana	Ekonomi	Petani	UTC Tunjong, Bunut Payong	SDG 1: Tiada Kemiskinan Sasaran 1.4 – Menjelang 2030, memastikan semua kumpulan masyarakat, baik lelaki atau wanita, khususnya golongan miskin dan berisiko, mempunyai hak sama rata terhadap sumber ekonomi, serta akses kepada perkhidmatan asas, pemilikan dan kawalan ke atas tanah dan bentuk harta lain, pewarisan, sumber asli, teknologi

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
		tiada maklumat dan data yang jelas mengenai perancangan tanaman. Selain itu, import produk dari Thailand memberi kesan kepada hasil tanaman tempatan sehingga berlaku lambakan. Apabila lambakan berlaku, petani pula terpaksa menjual hasil dengan harga yang murah.				baharu yang sesuai dan perkhidmatan kewangan, termasuk pembiayaan mikro. SDG 2: Sifar Kebuluran <i>Sasaran 2.3</i> – Menjelang 2030, menggandakan produktiviti pertanian dan pendapatan pengeluar makanan berskala kecil, khususnya golongan wanita, orang asli, keluarga petani, penternak dan nelayan, termasuk melalui akses yang terjamin dan sama rata kepada tanah, sumber dan input produktif lain, pengetahuan, perkhidmatan kewangan, pasaran dan peluang bagi penambahan nilai termasuk pekerjaan bukan perladangan. SDG 12: Penggunaan dan Pengeluaran Bertanggungjawab <i>Sasaran 12.3</i> – Menjelang 2030, mengurangkan separuh sisa makanan global per kapita pada

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
						peringkat runcit dan pengguna serta mengurangkan kerugian makanan sepanjang rantai pengeluaran dan bekalan, termasuk kerugian pascapenuaian.
11.	Perubahan Iklim	Cuaca yang tidak menentu seperti hujan, panas dan berangin memberi kesan besar kepada tanaman. Musim panas yang berpanjangan menyebabkan petani berdepan risiko serangan serangga perosak dan penyakit tanaman, manakala musim kemarau pula menyebabkan kekurangan air untuk penyiraman. Faktor kemarau dan banjir yang tidak menentu turut menyebabkan hasil pertanian semakin menurun berbanding tahun-tahun sebelumnya.	Alam Sekitar	Petani	Bunut Payong Sungai Lubuk, Mulong	SDG 1: Tiada Kemiskinan <i>Sasaran 1.5</i> – Menjelang 2030, membina daya tahan golongan miskin dan berisiko serta mengurangkan pendedahan dan keterancaman mereka terhadap keadaan berkaitan dengan iklim yang melampau serta kejutan dan bencana ekonomi, sosial dan alam sekitar yang lain. SDG 2: Sifar Kebuluran <i>Sasaran 2.4</i> – Menjelang 2030, memastikan system pengeluaran makanan yang mampan serta melaksanakan amalan pertanian berdaya tahan bagi meningkatkan produktiviti dan pengeluaran serta membantu mengekalkan ekosistem yang mengukuhkan

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
		Kualiti tanah juga berubah sehingga memerlukan kitar semula penggunaan tanah dengan menukar jenis penanaman pada setiap musim.				keupayaan untuk membuat penyesuaian dengan perubahan iklim, cuaca melampau, kemarau, banjir dan bencana lain, serta meningkatkan kualiti tanah-tanah secara progresif. SDG 13: Tindakan Memerangi Perubahan Iklim <i>Sasaran 13.1</i> – Memperkukuh daya tahan dan keupayaan untuk membuat penyesuaian kepada bahaya berkaitan iklim dan bencana alam di semua negara.
12.	Hakisan Tebing Sungai/Alor	Hakisan sungai berlaku di kawasan rumah yang berdekatan dengan sungai, manakala tanah runtuh sering berlaku di kawasan tepi sungai setiap kali banjir. Penduduk terpaksa mengambil inisiatif sendiri dengan membina benteng simen kerana tidak mendapat	Alam Sekitar	Miskin Bandar, Penduduk berhampiran tebing	Kg Paya Deras, Alor C Kg Paya Rambai	SDG 1: Tiada Kemiskinan <i>Sasaran 1.5</i> – Menjelang 2030, membina daya tahan golongan miskin dan berisiko serta mengurangkan pendedahan dan keterancaman mereka terhadap keadaan berkaitan dengan iklim yang melampau serta kejutan dan bencana ekonomi, sosial dan alam sekitar yang lain.

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
		bantuan penyelenggaraan daripada mana-mana pihak.				SDG 2: Sifar Kebuluran <i>Sasaran 2.4</i> – Menjelang 2030, memastikan system pengeluaran makanan yang mampan serta melaksanakan amalan pertanian berdaya tahan bagi meningkatkan produktiviti dan pengeluaran serta membantu mengekalkan ekosistem yang mengukuhkan keupayaan untuk membuat penyesuaian dengan perubahan iklim, cuaca melampau, kemarau, banjir dan bencana lain, serta meningkatkan kualiti tanah-tanah secara progresif. SDG 13: Tindakan Memerangi Perubahan Iklim <i>Sasaran 13.1</i> – Memperkukuh daya tahan dan keupayaan untuk membuat penyesuaian kepada bahaya berkaitan iklim dan bencana alam di semua negara.

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
13.	Fenomena Banjir	Tanaman ubi kayu musnah dengan kerugian sebanyak RM11,000 semasa banjir. Setiap kali musim banjir, petani terpaksa menanggung kerugian kerana tapak pertanian yang rendah sering ditenggelami air. Banjir kilat juga berlaku di kawasan tapak pertanian akibat projek tambun tanah perumahan yang berdekatan.	Alam Sekitar	Petani	Bunut Payong	SDG 1: Tiada Kemiskinan <i>Sasaran 1.5</i> – Menjelang 2030, membina daya tahan golongan miskin dan berisiko serta mengurangkan pendedahan dan keterancaman mereka terhadap keadaan berkaitan dengan iklim yang melampau serta kejutan dan bencana ekonomi, sosial dan alam sekitar yang lain. SDG 2: Sifar Kebuluran <i>Sasaran 2.4</i> – Menjelang 2030, memastikan system pengeluaran makanan yang mampan serta melaksanakan amalan pertanian berdaya tahan bagi meningkatkan produktiviti dan pengeluaran serta membantu mengekalkan ekosistem yang mengukuhkan keupayaan untuk membuat penyesuaian dengan perubahan iklim, cuaca melampau, kemarau, banjir dan bencana lain, serta

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
						meningkatkan kualiti tanah-tanah secara progresif. SDG 13: Tindakan Memerangi Perubahan Iklim <i>Sasaran 13.1</i> – Memperkukuh daya tahan dan keupayaan untuk membuat penyesuaian kepada bahaya berkaitan iklim dan bencana alam di semua negara.
14.	Budaya pelupusan sisa yang tidak terancang	Mentaliti masyarakat yang masih membuang sampah merata-rata walaupun tong sampah telah disediakan menjadi punca utama masalah kebersihan, malah ada yang tetap membuang di luar tong. Penduduk juga membuang sampah dalam skala besar di kawasan yang tidak digazet sebagai tapak pembuangan sampah. Keadaan ini menyebabkan longkang	Alam Sekitar	Miskin Bandar, Belia Penduduk	Kampung Kubur Kuda, Bandar Baru Kubang Kerian,	SDG 3: Kesihatan yang Baik dan Sejahtera <i>Sasaran 3.3</i> – Menjelang 2030, membasmi wabak AIDS, tuberkulosis, malaria dan penyakit tropika yang diabaikan serta memerangi hepatitis, penyakit bawaan air dan penyakit berjangkit yang lain. SDG 11: Bandar dan Komuniti Mampan <i>Sasaran 11.6</i> – Menjelang 2030, mengurangkan kesan buruk bandar terhadap alam sekitar per

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
		tersumbat dengan sampah hingga berlaku banjir apabila hujan.				kapita, termasuk memberikan tumpuan khusus pada kualiti udara, perbandaran dan pengurusan sisa lain.

4.0 GAMBARAN KESELURUHAN PEMETAAN ISU

4.1 Perincian Hasil Dapatan Isu-isu

Jadual 5. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 1

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 1: Dialog Bersama Ibu Tunggal Tarikh: 5 Februari 2025 Bilangan peserta: 14 orang Kaedah FGD: Perbincangan dalam 2 kumpulan			Agensi yang memberikan maklum balas: 1. Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) 2. Jabatan Kerja Raya (JKR) 3. Majlis Perbandaran Kota Bharu (MPKB).
1.	Penilaian Kriteria Kelayakan Bantuan Sosial	Ibu tunggal yang menghidap kanser tidak menerima bantuan kebajikan kerana tinggal di Dusun Muda, sebuah kawasan yang dianggap 'elit'. Tidak mendapat bantuan kebajikan atas alasan masih muda dan boleh bekerja. Tidak mendapat bantuan kebajikan atas alasan menetap di rumah batu walaupun ianya rumah warisan/ gelang emas/motor/kereta/Astro. Bantuan persekolahan tidak diberikan sekiranya anak kurang dari tiga orang.	Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) JKM tidak memilih lokaliti sebagai syarat kepada penerima bantuan. JKM memberi bantuan berfokus kepada faktor kemiskinan dan alat pengukuran yang digunakan ialah pendapatan julat isi rumah dan juga per kapita. Selain itu, JKM tidak mempunyai skim khusus untuk memberi bantuan kepada ibu tunggal. Fokus bantuan JKM adalah faktor kemiskinan dan insentif. Bantuan insentif tertumpu kepada individu dan bukan kepada keluarga atau isi rumah, seperti: • Elaun pekerja kurang Upaya (OKU) sebanyak RM450 sebulan.

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			• Elaun Penjagaan pesakit kronik terlanter sebanyak RM500 sebulan. • Elaun OKU tidak berupaya bekerja sebanyak RM300 sebulan. • Elaun pelatih program Pemulihan dalam komuniti RM300 sebulan. Kanak-kanak OKU yang bersekolah tidak diambil kira kerana ada bantuan daripada Jabatan Pendidikan. Ini bagi mengelak kanak-kanak tersebut mendapat 2 kali bantuan. Ibu tunggal, warga emas dan juga OKU tidak semua mendapat bantuan daripada JKM, namun ada kriteria yang telah ditetapkan oleh JKM untuk mendapat bantuan. E-kasih bukan syarat wajib untuk mendapatkan bantuan JKM. Selain itu, syarat untuk mendapatkan bantuan JKM adalah warganegara Malaysia dan bermastautin di Malaysia. Permohonan secara online tidak digalakkan kerana di Kelantan ini ada borang tambahan kerana ada syarat tertentu. Borang Permohonan boleh diambil di mana-mana dan perlu diserahkan di jajahan di mana tempat tinggal. Tahun 2025 terdapat syarat baru yang telah dikemaskini bagi membantu pemohon.

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
2.	Kekurangan koordinasi antara penyelenggaraan dan pengurusan kemudahan asas	Longkang tersumbat dan air melimpah bila hujan di Kawasan depan stesen bas Kota Bharu menyebabkan pelanggan tidak dapat masuk ke kedai kerana air bertakung. Pekerja yang menjalankan kerja-kerja mesin rumput tidak mencuci sisa rumput dalam longkang menyebabkan tersumbat	Jabatan Kerja Raya (JKR) Berdasarkan isu ianya di bawah MPKB dan sekiranya punca longkang tersumbat berada di bawah rezab JKR, JKR akan melaksanakan untuk mengatasi masalah tersebut. Sekiranya kontraktor tidak mengikut spek yang ditetapkan, JKR akan memberi amaran dan kemudian selepas 3 hari tiada tindakan yang dibuat oleh kontraktor, pelarasan bayaran akan dibuat oleh pihak JKR untuk melantik pihak ke tiga bagi menyelesaikan masalah tersebut. Agak sukar JKR untuk mengambil tindakan kerana tidak dinyatakan lokasi yang tepat dan takut bertindan dengan jalan negeri. JKR akan merujuk urusetia untuk mengambil tindakan. Majlis Perbandaran Kota Bharu (MPKB) MPKB akan bertindak sekiranya ada aduan awam secara lebih <i>detail</i> dan jelas.
3.	Kos sara hidup yang semakin meningkat	Kenaikan harga barang yang tidak terkawal menyukarkan pengguna dan peniaga.	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN)

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		Bekalan minyak masak paket sukar diperolehi. Ini membuatkan pengguna terpaksa membeli minyak botol yang sangat mahal. Pada masa sama, pembelian bersyarat dikenakan contohnya beli gula baru dapat beli minyak	Harga barang naik kerana faktor bekalan dan manipulasi peniaga. Pihak KPDN sentiasa membuat pemantauan tetapi perlu bertindak berdasarkan aduan terutamanya barangan bersubisidi iaitu minyak paket. Bekalan minyak masak, peruncit mengambil dengan kuantiti yang telah diluluskan lesen. Minyak paket hanya untuk kegunaan isi rumah bukan untuk perniagaan. Berlaku penyalahgunaan minyak paket dalam perniagaan kerana peniaga baik dengan pembekal, jadi pembekal menjual kepada peniaga. Inisiatif jualan Rahmah telah diadakan bagi mengurangkan kos sara hidup.
4.	Kekurangan bimbingan kemahiran keusahawanan	Rata-rata ibu tunggal yang menjalankan perniagaan tidak mendapatkan apa-apa bimbingan daripada mana-mana agensi berkaitan. Tidak pernah mengetahui teknik pemasaran yang betul dan malu untuk mengikut trend pemasaran terkini.	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Bermulanya era covid, kebanyakan perniagaan sudah beralih kepada platform e-dagang.
5.	Penggunaan vape dan ketum di kalangan anak muda	Belia yang bekerja sebagai rider grab/foodpanda pernah dilihat menggunakan ketum.	Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) Penggunaan ketum dan vape memang berlaku tetapi jika khusus kepada rider, diluar pengetahuan pihak AADK.

Jadual 6. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 2

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 2: Dialog Bersama Petani Tarikh: 5 Februari 2025 Bilangan peserta: 16 orang Kaedah FGD: Perbincangan dalam 3 kumpulan			Agensi yang memberikan respon: 1. Jabatan Pertanian 2. FAMA 3. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan (KPDNKK)
1.	Kekurangan dana peruntukan	Permohonan bantuan tidak dilayan, para petani telah mengisi borang beberapa kali tapi tiada tindakan susulan serta tiada tempat untuk merujuk status permohonan. Tidak mendapat maklumat tentang bantuan sama ada daripada penghulu atau agensi kerajaan. Maklumat tentang bantuan lambat diterima, bila hampir tarikh tutup baru mendapat maklumat.	Jabatan Pertanian Jabatan pertanian selalu melayan dan bantu petani (Pegawai Pertanian memberi bukti bergambar lawatan tapak penanaman di Bunut Payong). Bantuan diberikan jika kurang dari 5 tahun dari tarikh penerimaan sebelumnya, tidak layak RM149,857 peruntukan negeri diberikan yang perlu diagihkan di semua Daerah.
2.	Peluang pekerjaan yang terhad	Belia berminat dengan pertanian tetapi tiada modal memulakan pertanian.	Jabatan Pertanian yang telah memiliki Sijil Pengiktirafan ISO MS9001:2015, sentiasa memberi layanan kepada setiap para petani yang datang ke pejabat. Jabatan Pertanian tidak pernah tidak layan para petani yang hadir ke pejabat dan mereka akan diberi borang untuk skim bantuan yang disediakan. Permohonan bagi petani yang kurang dari 5 tahun mendapat bantuan, borang permohonan mereka akan di KIV. Begitu juga kepada petani yang dikenalpasti bermasalah seperti keluar masuk penjara, menjual

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			barang/peralatan bantuan yang diberikan, akan di KIV dahulu permohonan mereka. Syarat-syarat permohonan adalah seperti berikut: • Warganegara Malaysia • Berumur melebihi 18 tahun. • Mempunyai pengalaman dan minat dalam bidang pertanian. • Mempunyai tanah yang sesuai dengan projek yang ingin dijalankan. • Mempunyai modal asas yang mencukupi. Jabatan Pertanian menyediakan bantuan kepada petani bagi menampung kos projek pertanian, bukan menanggung semua kos. Sekiranya 10 orang petani yang meminta bantuan, Jabatan akan mempertimbangkan 3 orang penerima bantuan sahaja. Peruntukan yang disediakan oleh kerajaan negeri hanya RM149,875 kepada 30 orang petani dan kerajaan Pusat sebanyak RM315,470 melibatkan 131 orang petani. Bagi petani kawasan Bunut Payong, Jabatan Pertanian mempunyai projek kelompok dan telah memberi bantuan pada tahun 2021 sebanyak

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			RM18,000 dan pihak Jabatan Pertanian sentiasa memantau perkembangan projek kawasan berkenaan. Ada juga petani yang tidak berpuas hati kerana mereka telah mendapat bantuan pada tahun 2022 dan 2023 dan memohon balik bantuan pada tahun ini dan jabatan terpaksa KIV permohonan mereka dan tolak secara baik kerana ingin memberi peluang kepada petani lain yang belum dapat bantuan.
3.	Kurang pengurusan dan penguatkuasaan terhadap haiwan ternakan dan haiwan liar yang berkeliaran	Haiwan ternakan lembu penduduk (sebanyak 32 ekor) serta biri-biri (20 ekor) berkeliaran dan merosakkan tanaman. Aduan kepada Majlis Perbandaran Kota Bharu juga telah dibuat, namun tiada tindakan diambil. Haiwan liar, iaitu babi hutan (20 ekor) merosakkan tanaman petani dan aduan sudah lama dibuat kepada pejabat pertanian dan perhilitan PERHILITAN, namun tiada tindakan susulan.	Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandar (MPKB) Perkara 15, Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) sentiasa diambil tindakan bila melibatkan aduan awam. Melainkan susah untuk diambil tindakan seperti anjing liar kerana tiada tempat khas untuk menempatkan anjing dan ada isu dengan veterinar juga. MPKB tidak boleh ambil tindakan untuk menembak kerana ia di bawah Veterinar dan perlu ada aduan awam mengatakan bahawa ada isu anjing gila, baru veterinar boleh tembak. Sekiranya tembak, timbul isu dengan Persatuan Pencinta Haiwan dan akan susah untuk buat kerja kerana ada pihak menafikan kerja agensi. Perlu ada satu kesepakatan pelbagai pihak untuk

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			menyelesaikan isu anjing berkeliaran. Dicapai melaksanakannya pemandulan kepada anjing betina oleh veterinar. MPKB mencadangkan pihak APPGM-SDG membawa isu anjing liar ini ke peringkat atasan untuk diselesaikan.
4.	Kekurangan bimbingan kemahiran pertanian	Jabatan pertanian tidak turun padang bagi memberi maklumat dan kelas bimbingan. Kemahiran kursus pertanian tidak pernah diberikan contohnya kursus kawalan penyakit, kursus bancuhan sukatan racun, cara penanaman, dan cara pembuatan baja.	Jabatan Pertanian Pegawai Pertanian di Kota Bharu di mana lawatannya telah di ISO kan maksudnya setiap tahun jumlah lawatan tidak kurang 150 kali setahun dan mesti bergambar dan ada laporan.
5.	Peningkatan kos input pertanian	Petani terpaksa berhadapan dengan kenaikan harga input pertanian terutama baja dan racun yang mendadak sehingga 2 kali ganda daripada harga biasa dan memberi kesan kepada pendapatan petani seperti: • Baja single kuda/ yara seguni RM210 berbanding sebelum ini RM185. • Racun meningkat sehingga RM20-30 sekarang. • Harga benih naik daripada RM65 menjadi RM75.	Setiap tahun diaudit oleh 4 badan audit iaitu 2 audit pemantauan, 1 audit dalaman dan 1 audit luaran. Oleh itu ianya begitu ketat. Seluruh jajahan Kota Bharu ada 4 orang pegawai sahaja dan sekiranya ada yang terlepas pandang, petani perlu hadir ke pejabat. Bagi tahun lepas, petani yang datang ke pejabat lebih kurang 1000 orang dan pegawai pertanian akan turun padang.

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		Pertanian di Bunut Payong tidak di bawah pemantauan Jabatan Pertanian menyebabkan tidak mendapat pinjaman jentera untuk kerja pembajakan dan terpaksa menyewa daripada KADA. Petani terpaksa mengeluarkan modal yang besar untuk memulakan pertanian. Sekiranya harga hasil pertanian rendah, petani terpaksa menanggung kerugian dan perlu modal lain untuk memulakan tanaman baru pada musim berikutnya.	Kursus pertanian diiklankan dalam laman web setiap tahun dan petani boleh mendapat maklumat di laman web dan juga di pejabat. Jabatan Pertanian tidak ada kuasa untuk menetapkan harga input pertanian cuma jabatan pertanian menyediakan inisiatif melalui pelbagai program untuk membantu para petani. Jabatan Pertanian sudah lama tidak memberi bantuan jentera dan jentera yang ada adalah untuk projek pertanian yang sedia ada dan bukan untuk petani di luar.
6.	Kawalan harga siling	Harga siling tidak ditetapkan bagi sayuran dan buah. Harga hasil pertanian tidak menentu dan harga tersebut ditentukan oleh orang tengah. Orang tengah/peraih menetapkan harga yang tidak memuaskan tetapi petani terpaksa menjual bagi mengelakkan lambakan hasil tanaman.	Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Berkenaan isu harga rendah, FAMA ada buat perjanjian jual beli dengan petani. Pada peringkat awal, petani akan membuat perjanjian jual beli. Petani yang membuat perjanjian akan mendapat maklumat harga terus daripada FAMA.
7.	Lambakan hasil pertanian	FAMA hanya mengambil yang gred A, gred lain akan menjadi lambakan hasil.	Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA)

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		Hasil kutipan yang banyak menyebabkan lambakan sayur, lambakan hasil ditinggalkan buruk begitu sahaja. Penanaman serentak tanaman yang sama berlaku kerana tiada maklumat dan data tentang tanaman. Import produk dari Thailand memberi kesan kepada hasil tanaman setempat yang apabila tidak dapat dijual menjadi lambakan. Harga murah terpaksa dikenakan apabila lambakan hasil berlaku.	Isu lambakan sebenarnya tiada isu kerana FAMA membeli semua hasil pertanian mengikut harga gred dan FAMA akan mengambil harga pasaran mengikut 2 minggu sekali.
8.	Perubahan Iklim	Cuaca tidak menentu hujan, panas dan berangin memberi kesan kepada tanaman. Musim panas berpanjangan menyebabkan petani terpaksa berhadapan dengan risiko serangan serangga perosak dan penyakit tanaman. Apabila musim kemarau, petani terpaksa berhadapan dengan risiko kekurangan air untuk penyiraman tanaman. Hasil pertanian semakin menurun tidak lagi seperti tahun sebelumnya disebabkan faktor kemarau dan banjir tidak menentu. Kualiti tanah juga berubah dan memerlukan penggiliran tanaman (crop rotation). Pendekatan menukar tujuan penggunaan tanah diperlukan dan	<i>Tiada maklum balas</i>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		jenis penanaman juga perlu ditukar setelah habis setiap musim.	
9.	Fenomena banjir	Tanaman ubi kayu musnah akibat banjir menyebabkan kerugian 11k. Sekiranya musim banjir, petani terpaksa menanggung kerugian kerana tapak pertanian rendah dan ditenggelami banjir. Banjir kilat juga berlaku di kawasan tapak pertanian kerana dekat dengan projek tambun tanah perumahan.	<i>Tiada maklum balas</i>

Jadual 7. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 3

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 3: Dialog Bersama Komuniti Miskin Bandar Tarikh: 5 Februari 2025 Bilangan peserta: 10 orang Kaedah FGD: Perbincangan dalam 2 kumpulan			Agensi yang memberikan maklum balas: 1. Kementerian Belia dan Sukan (KBS) 2. Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) 3. Jabatan Pendaftaran Negara (JPN)
1.	Kesukaran mendapatkan bantuan kebajikan	Syarat-syarat permohonan bantuan menyukarkan pemohon. Permohonan MYKASIH dihentikan tahun ini tanpa diberitahu sebab.	<i>Maklum balas sama seperti FGD 1</i>
2.	Tiada dokumen kewarganegaraan	Tidak memohon IC dan surat beranak kerana kekangan wang dan prosedur daripada JPN yang rumit kerana ibu bapa lain negara.	Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) Prosedur JPN untuk mohon IC dan surat beranak adalah sangat mudah dan di Kelantan ada 12 cawangan untuk membuat IC dan surat Beranak. Pemohon boleh hadir sendiri di mana-mana cawangan untuk membuat IC dan surat beranak. Yang menjadi masalah untuk membuat surat beranak adalah kerana ibu bapa tidak mendaftar kelahiran kerana berkahwin di luar kawasan. Permohonan warganegara, pemohon perlu hadir sendiri ke JPN dan JPN tidak boleh memberi sewenang-wenang taraf warganegara. JPN mengeluarkan 3 jenis IC, iaitu IC biru, merah (untuk bermastautin tetap) manakala IC hijau

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			adalah untuk bermastautin sementara dan hanya dikeluarkan untuk tempoh 5 tahun. JPN tidak mendiskriminasi kaum, bangsa dan agama sebagai syarat untuk memohon IC.
3.	Kos sara hidup yang meningkat	Kenaikan harga barang yang tidak terkawal menyukarkan pengguna dan peniaga Contoh: beras daripada RM13 menjadi RM22 Santan 1kg daripada RM8 menjadi RM15. Belia terpaksa melakukan beberapa kerja untuk menampung kos hidup seperti menjadi <i>cleaner</i>, <i>security</i>, <i>promote</i> dan membuka bengkel kimpalan dan menjalankan pertanian.	<i>Maklum balas sama seperti FGD 1</i>
4.	Hakisan tebing sungai/alor	Hakisan sungai berlaku di kawasan rumah yang berdekatan sungai	<i>Tiada maklum balas</i>

Jadual 8. Perincian Hasil Dapatkan Isu-isu FGD 4

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 4: Dialog Bersama Belia Tarikh: 6 Februari 2025 Bilangan peserta: 11 orang Kaedah FGD: Perbincangan dalam 2 kumpulan			Agensi yang memberikan respon: 1. Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) 2. Jabatan Belia dan Sukan (JBS) 3. Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) 4. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)
1.	Kekangan dan persepsi dalam mendapatkan bantuan kebajikan	Tidak mendapat maklumat tentang bantuan sama ada daripada penghulu atau agensi kerajaan. Peniaga belia takut untuk membuka akaun SSM kerana khuatir tidak mendapat bantuan. Pada masa sama, tiada juga penerangan tentang SSM yang diberikan oleh pihak-pihak berkepentingan.	Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) Pendaftaran perniagaan diwajibkan kepada semua individu yang menjalankan aktiviti perniagaan dan perkhidmatan yang bermotif keuntungan berdasarkan Akta Perniagaan 1956. Sekiranya mana-mana yang menjalankan aktiviti perniagaan tanpa mendaftarkan perniagaan dalam tempoh 30 hari, ianya menjadi kesalahan. Kegusaran peniaga yang mendaftarkan SSM tidak dapat bantuan STR dan sebagainya adalah bidang kuasa LHDN dan tidak ada kaitan dengan pihak SSM kerana SSM sebagai syarikat Malaysia ialah badan yang mengawal selia perniagaan dan syarikat dan bukannya yang memberi sumbangan. Difahamkan pihak LHDN mengambil kira dari segi penglibatan perniagaan atau syarikat ianya berpunca

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			daripada ketirisan sumbangan kepada rakyat yang tidak sepatutnya. Ini berpunca apabila rakyat yang tidak mempunyai penyata gaji seperti peniaga, usahawan dan kontraktor, mereka turut mendapat bantuan ini sedangkan mereka bukanlah golongan yang disasarkan oleh kerajaan kerana sasaran pihak kerajaan ialah kepada golongan B40. Dengan itu, pihak kerajaan tidak memberi sumbangan ini secara terus dengan maksud mana-mana rakyat yang mempunyai penglibatan dengan SSM kecuali dengan syarat individu atau rakyat tersebut membuat taksiran kepada pihak LHDN dan meluluskan bantuan STR kepada mereka yang benar-benar layak, iaitu pendapatan RM4000 ke bawah sebulan.
2.	Peluang pekerjaan yang terhad	Berlaku kesenjangan antara latar belakang pendidikan yang diperolehi dan jenis pekerjaan yang ditawarkan di pasaran justeru golongan belia terpaksa mengambil mana-mana kerja untuk kelangsungan hidup. Peluang pekerjaan bagi golongan wanita adalah lebih rendah berbanding lelaki	Jabatan Belia dan Sukan (JBS) Pejabat Belia beroperasi lebih kepada memberi bantuan kepada NGO yang berdaftar di bawah Pejabat Pendaftar Pertubuhan Belia. Bantuan yang disalurkan lebih kepada bantuan untuk menjalankan aktiviti seperti sukan dan aktiviti belia. Golongan belia digalakkan untuk menubuhkan NGO belia bagi mendapatkan bantuan kepada komuniti belia.

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
3.	Penggunaan <i>vape</i> yang meningkat	Penggunaan <i>vape</i> di peringkat muda semakin berleluasa dan seawal usia 9 tahun juga sudah menghisap <i>vape</i> .	Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) Isu penggunaan ketum di kalangan orang tua dan remaja serta penyalahgunaan <i>vape</i> merupakan isu klasik di mana ianya telah dikenali dalam kalangan masyarakat sebagai ubat untuk bertenaga semasa bekerja. Peranan AADK sekarang ini ialah menggerakkan satu kesedaran awam kepada masyarakat bahawa ketum dan <i>vape</i> ini merupakan suatu penagihan. Selain itu AADK juga membuat program kesedaran dan pencerahan di sekolah-sekolah dan juga masjid tentang bahayanya ketum dan <i>vape</i>. Di peringkat dasar, AADK telah meluluskan satu akta baru iaitu Akta Penyalahgunaan Bahan dan Penagihan Dadah pindaan tahun 2024, di mana akta ini boleh menahan kepada mereka-mereka yang terlibat dengan penyalahgunaan ketum atau <i>vape</i> untuk diletakkan di pusat rawatan dan pemulihan AADK. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) KKM menawarkan perkhidmatan OSCA (<i>One Stop Crisis Addiction</i>) di klinik kesihatan, di mana

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			terdapatnya program Metadhon, iaitu untuk mengatasi ketagihan. Manakala dari segi vape dan merokok, KKM masuk ke sekolah, melalui media massa dan program komuniti yang sedang rancak saringan kesihatan untuk masyarakat, KKM akan menyelitkan ceramah berkaitan vape dan merokok dan sekiranya ada gotong-royong bersama komuniti pun juga diselitkan dengan ceramah kesedaran. KKM membuat program besar-besaran walk OUT BEBAS di mana objektifnya adalah setiap premis yang menjual makanan bersih dan bebas daripada asap. Pihak KKM membuat hebahan dan penguatkuasaan. KKM memperkenalkan akta baru iaitu Akta 852 Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2024. Di mana diterangkan penggunaan vape dikalangan remaja merupakan larangan jualan dan larangan memiliki apa-apa produk merokok dan vape untuk orang belum dewasa (OBD). Penguatkuasaan terhadap akta ini telah dijalankan. Dalam akta ini merangkumi kesihatan awam dan juga produk merokok serta alat pengganti merokok

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			seperti daun pandan digunakan sebagai pengganti kepada tembakau juga merupakan satu kesalahan.
4.	Kelemahan dana Usahawan Madani Selangor	Kemungkinan untuk memiliki rumah pertama adalah sangat mencabar dan tipis. Belia terpaksa berulang-alik antara pelbagai agensi (SUK dan PPR) yang saling "tolak-menolak" tanggungjawab. Keadaan ini menyebabkan permohonan mereka tergendala dan tidak mendapat penyelesaian. Kebanyakan rumah PPR yang ada diberikan kepada mereka yang telah memiliki rumah.	<i>Tiada maklum balas</i>
5.	Kos sara hidup yang meningkat	Kenaikan harga barang yang tidak terkawal menyukarkan pengguna dan peniaga. Contoh: harga beras 24kg meningkat daripada RM70 menjadi RM120 Terpaksa melakukan beberapa kerja untuk menampung kos hidup. Contohnya, seperti mengambil upah mesin rumput termasuk pada hujung minggu.	<i>Maklum balas seperti FGD 1</i>
6.	Budaya pelupusan sisa yang tidak terancang	Mentaliti masyarakat membuang sampah merata walaupun tong sampah disediakan. Masih ada yang membuang di luar tong.	Majlis Perbandaran Kota Bharu (MPKB) Mentaliti masyarakat yang membuang sampah merata, pihak MPKB telah membuat program

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			pendidikan dan kempen seawal sekolah rendah, program pendidikan. Selain itu, penguatkuasaan terhadap mereka yang membuat sampah berdasarkan kepada jenis sampah. Sampah dalam longkang perlu membuat aduan untuk diambil tindakan. Kutipan sampah setiap hari dan ada waktu-waktu tertentu. Lokasi menetapkan tong sampah perlu diselidiki kerana tong sampah tidak boleh diletakkan sesuka hati.

Jadual 9. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 5

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 5: Dialog Bersama NGO Tarikh: 6 Februari 2025 Bilangan peserta: 22 orang Kaedah FGD: Perbincangan dalam 3 kumpulan			Agensi yang memberikan maklum balas: 1. Jabatan Belia dan Sukan (JBS)
1.	Bantuan geran yang dipotong dan kurang capaian	Bantuan NGO dari ROS dinyatakan 10k tetapi setelah lulus permohonan, hanya 3k yang diterima. Tidak mendapat maklumat mengenai bantuan sama ada dari penghulu atau agensi kerajaan.	<i>Maklum balas seperti FGD 1</i>
2.	Kelewatan penyerahan lesen perniagaan	Tempoh masa penyerahan lesen daripada Majlis lama, dan saman diteruskan walaupun telah menunjukkan bukti permohonan lesen.	<i>Tiada maklum balas</i>

Jadual 10. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 6

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 6: Dialog Bersama Peniaga Tarikh: 7 Februari 2025 Bilangan peserta: 13 orang Kaedah FGD: Perbincangan dalam 2 kumpulan			Agensi yang memberikan maklum balas: 1. Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) 2. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)
1.	Ketelusan dan akses kepada bantuan kerajaan	Tidak mendapat maklumat mengenai bantuan sama ada dari penghulu atau agensi kerajaan. Proses mengisi bantuan melalui talian menyukarkan penduduk terutamanya warga emas. Syarat-syarat permohonan bantuan menyukarkan pemohon. Bantuan perniagaan berskala besar seperti MARA, PNB, FELDA, FELCRA diberikan kepada golongan T20. Pinjaman Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) pernah berlaku penyelewengan oleh cikgu AIM. Peniaga memerlukan bantuan pinjaman perniagaan berskala kecil yang memudahkan. Pemberian bantuan geran adalah pilih kasih dan masih menggunakan orang dalam atau kroni.	<i>Maklum balas seperti FGD 1</i>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
2.	Pemakanan di sekolah yang kurang lengkap	Makanan tidak berkhasiat dijual di kantin dan koperasi sekolah tidak dipantau aduan telah dibuat di PIBG tetapi guru memberi maklum balas meminta pelajar membawa bekal sendiri. Kantin menyediakan makanan yang tidak mencukupi dan menyebabkan pelajar yang rehat lambat tidak mendapat makanan.	Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Isu makanan tidak cukup dan tidak sihat, PPD ada buat pemantauan di setiap sekolah-sekolah dan tindakan akan diambil kepada pengusaha kantin sekiranya tidak mengikut pekeliling dan garis panduan yang ditetapkan oleh KPM. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) Pihak KKM ada membuat pemantauan di kantin-kantin sekolah dan ada kantin sekolah yang tidak mematuhi penjualan makanan sihat di sekolah dan KKM memberi teguran dan tidak ada akta yang boleh dikenakan kepada pengusaha kantin yang menjual makanan yang tidak sihat. Makanan proses yang tidak sihat seperti sosej mengandungi campuran daging, tulang dan bahan pengawet yang sangat tinggi seperti garam dan gula. Kandungan ini sangat merbahaya kepada kesihatan badan. Selain itu, KKM telah melancarkan program "<i>war of salt and sugar</i>" untuk dilaksanakan di sekolah dan juga agensi kerajaan.

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
3.	Kos sara hidup yang meningkat	Kenaikan harga barang yang tidak terkawal menyukarkan pengguna dan peniaga. Contoh: beras dari RM13 menjadi RM22 Santan 1kg dari RM8 naik RM15. Bekalan minyak masak paket sukar didapati membuatkan pengguna terpaksa membeli minyak botol yang sangat mahal, ini termasuk juga pembelian bersyarat yang dikenakan. Peniaga juga mengalami kemerosotan akibat dari kekurangan santan dan kelapa yang semakin menjadi-jadi.	<i>Maklum balas seperti FGD 1</i>
4.	Persaingan perniagaan dengan warga asing	Persaingan dengan kedai runcit warga asing iaitu (tokseh) Pakistan yang semakin meluas menyebabkan kedai Melayu terpaksa tutup. Barangan di kedai runcit orang tempatan Melayu lagi mahal dari kedai runcit milik Pakistan. Barangan bersubsidi terutamanya minyak paket sukar didapati di kedai Melayu sebaliknya di kedai Pakistan lebih banyak stok berbanding kedai runcit Melayu. Kesukaran mendapatkan tapak premis. Kebanyakan peniaga mengeluh kerana jualan semakin merosot disebabkan persaingan dengan	Majlis Perbandaran Kota Bharu (MPKB) Warga asing berniaga kedai runcit mempunyai rekod lesen nama orang Melayu dan kebiasaanya nama isteri. Permohonan yang dibuat mengikut syarat yang ditetapkan dan MPKB menetapkan syarat untuk warga asing membuka kedai perlu meletakkan orang melayu sebagai chaser. MPKB telah membuat penguatkuasaan undang-undang bersepadu untuk memastikan peniaga kedai runcit warga asing ini mengikut syarat yang telah ditetapkan.

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		jualan online yang jauh lebih murah dan rata-rata tidak mempunyai kemahiran untuk berniaga online. Harga tapak perniagaan yang tinggi menyebabkan peniaga tidak mampu. Masalah orang tengah/tender menetapkan harga sewa tapak yang terlampau tinggi walaupun kelulusan Majlis adalah jauh lebih murah. Warga asing (Bangla) berniaga kedai makan di tengah bandar Kota Bharu dengan bebas walaupun tidak mematuhi syarat-syarat perniagaan seperti memakai apron, berkasut dan telah mendapat suntikan untuk penyediaan makanan. Warga asing tidak menjaga kebersihan namun tiada tindakan saman daripada agensi yang terlibat berbanding peniaga tempatan. Peniaga Myanmar meniaga tanpa lesen tetapi tidak dikenakan tindakan kerana pemegang kad UNHCR.	Selain itu, pihak MPKB berharap ada aduan daripada komuniti. MPKB menafikan harga sewa tapak yang tinggi dikenakan kepada peniaga, dan perlu membuat aduan secara spesifik untuk diambil tindakan.
5.	Pengawalan sempadan memberi kesan kepada perniagaan	Kawalan sempadan yang lebih ketat menyukarkan peniaga mendapatkan bekalan perniagaan dari Thailand.	<i>Tiada maklum balas</i>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		Penyekatan barangan import dari Thailand memberi kesan kerana barangan Thailand lebih berkualiti dan murah tetapi barangan tempatan mahal dan tidak berkualiti contohnya beras.	

Jadual 11. Perincian Hasil Dapatkan Isu-isu FGD 7

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 7: Dialog Bersama Komuniti Cina Tarikh: 7 Februari 2025 Bilangan peserta: 15 orang Kaedah FGD: Perbincangan dalam 2 kumpulan			Agensi yang memberikan maklum balas: 1. Jabatan Kerja Raya (JKR) 2. Majlis Perbandaran Kota Bharu (MPKB)
1.	Kesukaran untuk mengakses sokongan kebajikan kerajaan, bantuan dan subsidi	Tidak mendapat maklumat mengenai bantuan sama ada dari penghulu atau agensi kerajaan. Bantuan banjir hanya diberikan kepada orang Melayu sahaja, kaum Cina tidak dapat.	<i>Maklum balas seperti FGD 1</i>
2.	Kerosakan jalan	Jalan kampung mudah rosak kerana menjadi laluan utama seperti lori selain berlaku insiden polis kejar-mengejar penjenayah beberapa kali. Kerajaan negeri tidak mempunyai peruntukan untuk membaiki jalan kampung kerana peruntukan yang ada hanya untuk membuat dan menurap jalan baru. Kerja-kerja memasukkan paip biru menyebabkan jalan dikorek tetapi tidak ditutup Kembali dengan kemas. Jalan rosak berlubang besar lambat baiki sehingga merbahaya kepada penduduk.	Majlis Perbandaran Kota Bharu (MPKB) Perlu maklumat terperinci bagi sesuatu kawasan untuk meneliti lebih mendalam situasi sebenar sama ada jalan JKR atau MPKB. MPKB perlu tahu jika itu adalah jalan di bawah MARIS atau bukan. Jabatan Kerja Raya (JKR) Penyeliaan jalan kampung bukan dibawah kuasa JKR. Isu paip biru ada permit permohonan permit dan JKR akan semak balik siapa pegawai yang bertanggungjawab dan bagaimana ia korek dan tinggal begitu sahaja berkenaan Jalan Chong Hwa, jalan berlubang telah dibaiki oleh JKR. Syarat untuk penggantian paip di bawah SPANK.

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
3.	Pengurusan sisa pepejal dan persekitaran yang tidak cekap	Penduduk membuang sampah dengan skala besar di kawasan yang tidak digazet sebagai tapak pembuangan sampah. Sampah dalam longkang menyebabkan air tersumbat dan banjir bila hujan. Kekurangan tong sampah dan penduduk tidak mengetahui jadual pengutipan kerana tidak menentu. MPKB tidak mengutip sampah yang berair. Tong sampah yang diletakkan adalah jauh menyukarkan penduduk. Pengumpul barang plastik terpakai menyelerakkan sampah.	<i>Maklum balas seperti FGD 4</i>
4.	Pokok besar halangan jalan	Pokok besar di tepi jalan tidak ditebang kerana memerlukan kos yang tinggi.	Majlis Perbandaran Kota Bharu (MPKB) Pokok besar di tepi jalan tidak semestinya kos yang tinggi. Dan MPKB ada 1 unit pemangkasan pokok dan memiliki jentera yang cukup untuk proses pemangkasan dan penebangan.

Jadual 12. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 8

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 8: Dialog Bersama Komuniti India Tarikh: 7 Februari 2025 Bilangan peserta: 9 orang Kaedah FGD: Perbincangan dalam 2 kumpulan			Agensi yang memberikan maklum balas: 1. Jabatan Pendaftaran Negara (JPN)
1.	Proses permohonan bantuan yang rumit	Proses mengisi bantuan melalui talian menyukarkan penduduk terutamanya warga emas. Syarat-syarat permohonan bantuan menyukarkan pemohon. Bantuan MITRA diberikan kepada komuniti India muslim dan agihan kepada India non-muslim tidak ada.	<i>Maklum balas seperti FGD 1</i>
2.	Diskriminasi pekerjaan terhadap jantina	Peluang pekerjaan bagi golongan Wanita adalah lebih rendah dibandingkan lelaki	<i>Maklum balas seperti FGD 2</i>
3.	Tiada dokumen rasmi kewarganegaraan	Masih memegang IC merah walaupun sudah lebih 30 tahun menetap di Malaysia, bapa orang Malaysia. Pernah diberikan IC hijau (sementara) hanya untuk 5 tahun. Orang bukan Islam lebih sukar mendapatkan kad pengenalan.	Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) Prosedur pendaftaran adalah mudah sahaja tetapi akan susah jika berkahwin di Thailand. Bagi pemegang IC hijau boleh perbaharui setiap 5 tahun sekali

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		Permohonan sudah melebihi 5 tahun tetapi status masih dalam proses.	Permohonan warganegara merupakan perkara yang mempunyai taraf tertinggi oleh itu prosesnya mengambil masa yang lama.
4.	Permohonan untuk rumah ibadat bukan Islam (RIBI) yang kurang senang	Syarat permohonan RIBI semakin menyukarkan kerana melibatkan kelulusan pejabat Tanah dan nama perlu sama dengan pendaftaran ROS.	<i>Tiada maklum balas</i>
5.	Kos sara hidup yang meningkat	Kenaikan harga barang yang tidak terkawal menyukarkan pengguna dan peniaga Contoh: lada hitam dulu RM26 sekarang RM43	<i>Maklum balas agensi seperti FGD 1</i>

4.2 Pengutamaan Isu

4.2.1 *Pengutamaan Isu 1: Pembangunan Belia*

Belia di Parlimen Kota Bharu kebanyakannya telah berhijrah ke luar negeri bagi mendapatkan pekerjaan. Mereka yang berada di Kota Bharu kebanyakannya bekerja tidak setaraf dengan kelayakan contohnya meniaga burger, meniaga santan, menjadi tukang cuci, meniaga makanan serta tukang potong rumput. Peluang pekerjaan yang terhad, peluang yang tidak sesuai dengan kelayakan serta tiada tempat bagi pembangunan belia menyebabkan beberapa masalah berlaku seperti masalah rempit, pergaulan bebas serta penggunaan dadah.

- **Penyalahgunaan Dadah, Vape dan Ketum**

Isu penyalahgunaan ketum dan vape di kalangan belia di Kota Bharu semakin meruncing, dengan peningkatan penggunaan ketum yang dibekalkan dari luar bandar dan penggunaan vape yang meluas di kalangan pelajar sekolah rendah dan menengah, termasuk pelajar perempuan, akibat ketersediaan kedai vape yang banyak. Penyalahgunaan ini bukan sahaja menjejaskan kesihatan belia, tetapi juga prestasi akademik dan berpotensi membawa kepada penggunaan dadah yang lebih berbahaya. Selain itu, belia yang bekerja sebagai penghantar makanan (rider grab/foodpanda) juga didapati menggunakan ketum, menunjukkan penyalahgunaan ini merentas pelbagai lapisan masyarakat.

- **Pergaulan Bebas**

Pergaulan bebas di kalangan remaja, terutamanya pelajar sekolah menengah tingkatan tiga dan empat, semakin membimbangkan dengan trend duduk berdua-duaan di tempat awam dalam kumpulan besar, yang bukan sahaja menunjukkan kurangnya pengawasan dan pendedahan kepada aktiviti tidak sihat, tetapi juga memberi kesan negatif yang mendalam terhadap pembangunan belia. Ini termasuklah kerosakan moral dan akhlak, gangguan pembelajaran yang menghalang potensi akademik, risiko masalah kesihatan seperti penyakit kelamin, masa depan yang suram akibat terjejasnya pendidikan dan kerjaya, keruntuhan institusi keluarga dengan peningkatan masalah anak luar nikah dan perceraian, serta akhirnya, mempengaruhi pembangunan sosial negara secara keseluruhan kerana remaja adalah aset penting dalam pembangunan negara.

- **Lumba haram/Merempit**

Aktiviti merempit yang sering berlaku pada hujung minggu, melibatkan lebih 20 buah motosikal dari dalam dan luar Kota Bharu, bukan sahaja mengganggu ketenteraman masyarakat setempat dengan bunyi bising ekzos, tetapi juga memberi kesan negatif yang mendalam kepada belia. Aktiviti ini meningkatkan risiko kemalangan jalan raya yang serius, membawa kepada pengaruh negatif rakan sebaya, merosakkan imej diri belia, mengganggu pembelajaran dan prestasi akademik mereka, berpotensi menjebak mereka dalam kegiatan jenayah, dan menyebabkan pembaziran wang melalui pengubahsuaian motosikal.

Jadual 13. Ringkasan Isu 1

Permasalahan berkaitan dengan Isu	1. Penyalahgunaan Dadah, Vape dan Ketum 2. Pergaulan Bebas 3. Lumba haram/Merempit
Cadangan Penyelesaian	1. Pusat Aktiviti Setempat 2. Kelas digital 3. Sukan dan rekreasi
Kumpulan Sasaran	Belia
Kawasan	Berek 12, Bunut Payong, Kota Lama
SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA	
SDG yang berkaitan	Sasaran SDG Berkaitan
SDG 3: Memastikan kehidupan sihat dan menggalakkan kesejahteraan pada semua peringkat umur	Sasaran 3.5: Mengukuhkan pencegahan dan rawatan penyalahgunaan bahan, termasuk penyalahgunaan dadah narkotik dan pengambilan alkohol yang memudaratkan. Sasaran 3.6: Menjelang 2020, mengurangkan separuh jumlah kematian dan kecederaan global akibat kemalangan jalan raya.
SDG 5: Mencapai kesaksamaan gender dan memperkasa semua golongan wanita	Sasaran 5.2: Menghapuskan semua bentuk keganasan terhadap semua golongan wanita dalam lingkungan awam dan swasta, termasuk penyeludupan serta eksploitasi seksual dan lain-lain.

4.2.2 *Pengutamaan Isu 2: Pengukuhan Ekonomi*

Keadaan ekonomi kumpulan akar umbi seperti miskin tegar, peniaga, petani serta belia di Parlimen Kota Bharu sangat membimbangkan akibat peningkatan kos sara hidup yang mendadak serta harga barangan keperluan asas yang tinggi, menyebabkan mereka bergelut untuk menampung keperluan harian. Peningkatan ini bukan sahaja mengehadkan akses mereka kepada makanan berkhasiat dan perkhidmatan penting seperti pendidikan dan kesihatan, tetapi juga menjerumuskan mereka ke dalam lingkaran hutang yang sukar diputuskan. Ini seterusnya membawa kepada peningkatan ketidakstabilan sosial dan menjejaskan kualiti hidup mereka secara keseluruhan. Beberapa faktor yang memberi kesan kepada kestabilan ekonomi kumpulan ini kos peningkatan harga barang, kos peningkatan input pertanian serta peluang pekerjaan yang tipis.

- **Peningkatan Kos Harga Barang**

Kenaikan kos sara hidup yang tidak terkawal, seperti kenaikan harga beras daripada RM13 kepada RM22 dan santan daripada RM8 kepada RM15, telah memberi tekanan yang besar kepada pengguna dan peniaga. Pengguna iaitu golongan miskin tegar, petani serta belia terpaksa melakukan pelbagai pekerjaan tambahan seperti menjadi pencuci, pengawal keselamatan, promoter, membuka bengkel kimpalan, dan menjalankan pertanian untuk menampung kos hidup yang meningkat. Selain itu, bekalan minyak masak paket yang sukar didapati memaksa pengguna membeli minyak botol yang mahal, dan pembelian bersyarat turut dikenakan. Peningkatan harga barang juga menyebabkan pelanggan di kedai makan semakin berkurang, dan peniaga mengalami kemerosotan perniagaan akibat kekurangan santan dan kelapa.

- **Peningkatan kos input pertanian**

Peningkatan kos input pertanian memberi tekanan yang besar kepada petani, dengan harga baja, racun, dan benih meningkat secara mendadak, contohnya baja single kuda/yara naik dari RM185 ke RM210 seguni, dan racun naik RM20-30. Petani di Bunut Payong, yang tidak dipantau Jabatan Pertanian, terpaksa menyewa jentera dari KADA untuk kerja pembajakan, menambah beban modal mereka. Modal besar diperlukan untuk memulakan pertanian, dan jika harga hasil pertanian rendah, petani terpaksa menanggung kerugian, dan memerlukan modal tambahan untuk musim seterusnya.

- **Peluang pekerjaan yang terhad**

Peluang pekerjaan terhad di kalangan belia menimbulkan cabaran besar, di mana ramai yang berpendidikan tinggi terpaksa menerima pekerjaan yang tidak setaraf dengan kelayakan mereka. Selain itu, perkara ini juga mendorong migrasi keluar negeri untuk mencari peluang yang lebih baik. Dalam pertanian minat belia dalam mengusahakan pertanian tidak dapat diteruskan akibat kekurangan modal. Isu ini juga timbul disebabkan ketidakseimbangan peluang pekerjaan yang lebih rendah bagi golongan wanita berbanding lelaki. Keadaan ini memerlukan penyelesaian holistik daripada pelbagai pihak untuk mewujudkan peluang pekerjaan yang lebih banyak dan saksama.

Jadual 14. Ringkasan Isu 2

Permasalahan berkaitan dengan Isu	1. Peningkatan kos input pertanian 2. Peluang Pekerjaan Terhad
Cadangan	1. Program pembuatan kek dan kuih sejuk beku 2. Pembuatan baja dan racun organik 3. Program spa dan sauna bergerak
Kumpulan Terjejas	Miskin Bandar, ibu tunggal, wanita, petani, belia
Kawasan	Dusun Muda, Kota Lama, Bunut Payong
SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA	
SDG yang berkaitan	Sasaran SDG Berkaitan
SDG 1: Menamatkan semua jenis kemiskinan di seluruh dunia	Sasaran 1.1 : Membasmi kemiskinan tegar pada tahun 2030, di mana sara hidup seharian adalah kurang dari \$1.25 (anggaran RM5.50) sehari.
SDG 8: Menggalakkan pertumbuhan ekonomi yang mampan, menyeluruh dan mampan, guna tenaga penuh dan produktif serta pekerjaan yang baik untuk semua	Sasaran 8.5: Menjelang 2030, mencapai guna tenaga penuh dan produktif serta pekerjaan yang baik untuk semua wanita dan lelaki, termasuk belia dan orang kurang upaya, serta bayaran sama rata untuk kerja dengan nilai yang sama.
SDG 10: Mengurangkan ketidaksamaan di dalam negara dan dalam kalangan negara.	Sasaran 10.2: Menjelang 2030, memperkasa dan menggalakkan penyertaan semua dalam politik, ekonomi dan sosial tanpa mengira umur, jantina, ketidakupayaan, kaum, etnik, asal usul, agama atau status ekonomi atau status lain.

4.2.3 *Pengutamaan Isu 3: Pengurusan Sampah*

Pengurusan sampah di Kota Bharu masih di tahap rendah, berpunca daripada mentaliti segelintir masyarakat yang membuang sampah merata-rata, mencacatkan pemandangan dan mencetuskan pencemaran serta risiko penyakit, diperburuk dengan kekurangan tong sampah akibat perancangan yang tidak mencukupi, peruntukan kewangan terhad, kurangnya kerjasama masyarakat dalam penempatan tong sampah, peningkatan jumlah sampah yang tidak sepadan dengan kemudahan sedia ada, penyelenggaraan dan penggantian tong sampah yang tidak berkala, serta kekurangan kemudahan di kawasan-kawasan tertentu seperti pelancongan dan pasar malam. Keadaan ini memerlukan penguatkuasaan undang-undang yang lebih tegas, penambahbaikan infrastruktur pengurusan sampah termasuk penyediaan tong sampah yang mencukupi dan kemudahan kitar semula, pelaksanaan kempen kesedaran awam yang berterusan untuk mendidik masyarakat tentang kepentingan menjaga kebersihan dan melupuskan sampah dengan betul, serta penglibatan aktif komuniti melalui program gotong-royong dan aktiviti pembersihan kawasan bagi memastikan kebersihan bandar terjaga secara holistik dan berkesan.

- **Longkang tersumbat**

Masalah sampah yang dibuang merata-rata bukan sahaja mencemarkan persekitaran, malah turut menyebabkan longkang tersumbat dan mendatangkan pelbagai kesan negatif kepada masyarakat seperti banjir kilat akibat aliran air hujan terhalang, pencemaran alam sekitar yang menjejaskan kualiti air dan tanah, penyebaran penyakit berjangkit melalui pembiakan nyamuk dan haiwan perosak di longkang tersumbat, kerosakan infrastruktur seperti jalan raya dan jambatan akibat air bertakung, serta menjejaskan kualiti hidup masyarakat dengan persekitaran yang kotor dan berbau tidak menyenangkan.

- **Mentaliti segelintir masyarakat**

Sikap masyarakat yang gemar membuang sampah merata-rata di zon larangan yang ditetapkan, dan kekurangan amalan pengurusan sisa yang teratur adalah mentaliti yang negatif. Tambahan pula, sebahagian besar penduduk menunjukkan kekurangan ketara dalam kesedaran alam sekitar, gagal untuk memahami akibat jangka panjang daripada tindakan mereka. Ini ditambah lagi dengan tabiat buruk yang telah tertanam, di mana membuang sampah menjadi satu kelakuan yang normal, sering diburukkan lagi dengan penyediaan kemudahan pelupusan sisa awam yang tidak mencukupi, seperti tong sampah dan tempat kitar semula yang tidak mencukupi. Gabungan faktor ini bukan sahaja menyumbang kepada kemerosotan alam sekitar serta-merta, tetapi juga mencetuskan pelbagai masalah kesihatan, termasuk pembiakan vektor pembawa penyakit dan pencemaran sumber air tempatan, akhirnya mengakibatkan pengurangan ketara dalam kualiti hidup keseluruhan penduduk Kota Bharu.

- **Pengurusan PBT**

Tindakan masyarakat yang membuang sampah merata-rata, di kawasan larangan, dan tidak tertib, sering kali dilihat sebagai respons terhadap kelemahan sistem pengurusan sampah oleh pihak berkuasa tempatan di Kota Bharu. Kekurangan tong sampah yang mencukupi, terutamanya di kawasan tumpuan ramai seperti pasar malam dan kawasan pelancongan, menyebabkan masyarakat terpaksa melupuskan sampah di tempat yang tidak sepatutnya. Selain itu, penguatkuasaan undang-undang yang lemah dan kurangnya kesedaran sivik turut menyumbang kepada masalah ini. Dalam situasi ini, masyarakat mungkin merasakan bahawa tindakan mereka adalah satu-satunya cara untuk melupuskan sampah, walaupun ia memberi kesan negatif kepada alam sekitar dan kesihatan awam.

Jadual 15. Ringkasan Isu 3

Permasalahan berkaitan dengan Isu	1. Longkang tersumbat 2. Mentaliti segelintir masyarakat 3. Pengurusan PBT
Cadangan	1. Rumah Sampah 2. Program Kitar semula 3. 'Waste to Cash' program
Kumpulan Terjejas	Penduduk
Kawasan	Kota Bharu
SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA	
SDG yang berkaitan	Sasaran SDG Berkaitan
SDG 3: Memastikan kehidupan sihat dan menggalakkan kesejahteraan pada semua peringkat umur	Sasaran 3.3: Menjelang 2030, menamatkan epidemik AIDS, tuberkulosis, malaria dan penyakit tropika terabai serta memerangi hepatitis, penyakit bawaan air dan penyakit berjangkit lain.
SDG 11: Menjadikan bandar raya dan penempatan manusia sebagai menyeluruh, selamat, berdaya tahan dan mampan	Sasaran 11.6: Menjelang 2030, mengurangkan kesan buruk bandar raya terhadap alam sekitar per kapita, termasuk memberikan perhatian khusus kepada kualiti udara, perbandaran dan pengurusan sisa lain.

5.0 PENGENALPASTIAN AWAL PROJEK PENYELESAIAN

Jadual 16. Pengenalpastian Projek Penyelesaian

	PROJEK 1	PROJEK 2	PROJEK 3
Tajuk Projek	Program Gerak Cinta Alam: Bersih Sungai dan Bina Taman Mini Riadah	Komuniti Cipta Peluang Niaga Berasaskan Projek Sejuk Beku	Program Membina Sukarelawan Komuniti Madani
SDG Berkaitan	SDG 6, 11, 13	SDG 1,8,12	SDG 4, 8, 11
Objektif	Memastikan kebersihan alam sekitar adalah bersih dan lestari di setiap kawasan di sekitar Kota Bharu.	Menjana pendapatan melalui projek pembuatan kuih sejuk beku.	Melahirkan komuniti belia yang mempunyai ilmu dan kemahiran pelbagai.
Hasil Jangkaan	- Sungai menjadi lebih bersih dari sampah sarap. - Kawasan sekitar bersih dan tiada sampah sarap berteraburan. - Taman mini digunakan oleh setiap masyarakat pelbagai umur.	- Kadar pengangguran berkurang. - Belia mendapat ilmu kemahiran pembuatan produk sejuk beku. - Belia mempunyai kemahiran yang lestari berkenaan penjualan dan pemasaran.	Belia dilengkap dengan kemahiran kepimpinan dan kesukarelawanan yang tinggi dalam diri.
Organisasi	Kelab Kebajikan Kota Bharu	Yayasan KB Care	Koperasi Amal Kelantan Berhad
Aktiviti	- Membersihkan sungai. - Gotong-royong membersihkan sampah. - Tanaman pokok selamat. - Pembinaan taman riadah mini.	- Kelas kemahiran proses pembuatan produk kuih sejuk beku. - Kelas pemasaran produk. - Kelas penyelarasan kewangan.	- Bengkel kepimpinan dan kesukarelawanan serta pembangunan kapasiti. - Pembangunan platform digital bagi kerja-kerja komuniti.

	PROJEK 1	PROJEK 2	PROJEK 3
			• Aktiviti gotong-royong dan kitar semula.
Jumlah (RM)	40,000	40,000	40,000
Lokasi	Kg Sungai Keladi dan Kg Kubu Kuda	Bunut Payong	PT 5567, Jalan Cahaya Utama, Taman Cahaya, 45300 Sungai Besar Selangor Darul Ehsan.
Tempoh	3 Bulan	3 Bulan	3 Bulan

6.0 RUJUKAN

Jabatan Pertanian Malaysia. (2023). *Laporan Tahunan Pengeluaran Pertanian Daerah Kota Bharu*.

My Local Stats Kota Bharu Kelantan 2023. (n.d.).

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia. (2018). *Laporan Kajian Semula Persempadanan* (Jilid 1).



APPGM-SDG

MENINGKATKAN KETERANGKUMAN DAN KEMAMPAHAN



Persatuan Promosi Matlamat Pembangunan Lestari

📍 A-1-10, Block A, 8 Avenue, Jalan Sungai Jernih 8/1,
Seksyen 8, Petaling Jaya, 46050, Selangor

✉️ secretariat@appgm-sdg.com

🌐 <https://www.facebook.com/APPGMSDGMY>

🌐 <https://appgm-sdg.com/>